



DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU: 12 OKTOBER 2011

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

NO. SOALAN : 01

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG]

TARIKH 12 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4089

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan implikasi terhadap imej Malaysia akibat diisyiharkan perjanjian di antara Malaysia dan Australia tidak sah berhubung dengan pendatang asing yang memohon perlindungan.

NO. AUM : 9

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH 13 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4294

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan dengan pertukaran pelarian '*refugees swap*' di antara warga Australia dan warga Malaysia, nyatakan sebab mengapa mahkamah di Australia tidak mengiktiraf perjanjian pertukaran tersebut.

NO.AUM : 30

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAQI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH 17 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4097

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta M ENTER I DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah pendirian dan langkah Kerajaan selepas Mahkamah Tinggi Australia memutuskan penghantaran pencari suaka ke Malaysia tidak sah kerana Malaysia tidak menandatangani konvensyen PBB; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan membatalkan perjanjian ini.

NO. AUM : 42

DARI PAD A

NO.AUP : DR.
MOHD
HATTA
BIN MD
RAMLI [
KUALA

TARIKH

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
RUJUKAN DEWAN RAKYAT

KRAI]

17

OKTOBER 2011

PERTANYAAN : LISAN
4297

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) rasional mengadakan perjanjian pertukaran permohonan program pertukaran dengan Australia; dan
- (b) kesan keputusan mahkamah di Australia menghalang program pertukaran terhadap perjanjian itu.

NO. AUM : 11

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	
TARIKH	DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]
RUJUKAN	18 OKTOBER 2011
	4104

SOALAN:

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah Kerajaan berkaitan pendatang asing haram selepas mahkamah Australia menghukum perjanjian antara kedua negara tidak sah.

**NO. AUM : 18
NO.AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH 14 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4177

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) berikan butiran terperinci berhubung perjanjian pertukaran pelarian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Australia; dan
- (b) apakah perjanjian ini terus akan dilaksanakan setelah mahkamah di Australia menghalang perlaksanaan pertukaran

**NO. AUM : 6
NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA

JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH 24 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4312

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai perjanjian yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia-Australia mengenai pertukaran 800 asylum seekers dari Australia dengan 4,000 registered refugees dari Malaysia yang mana perjanjian berkenaan ditolak oleh Mahkamah Tinggi Australia kerana perjanjian ini dikatakan tidak sah dan melanggar Hak Asasi.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong yang mengemukakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan 6 lagi pertanyaan yang lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Seremban pada 13 Oktober, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Kuala Krai pada 17 Oktober, Yang Berhormat Tumpat pada 18 Oktober, Yang Berhormat Sungai Petani pada 14 November dan Yang Berhormat Keningau pada 24 November kerana semua pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Mahkamah Tinggi Australia tidak pernah membuat keputusan sama ada dokumen Aturan yang ditandatangani oleh Malaysia dan Australia adalah sah atau tidak. Mahkamah Tinggi Australia pada 31 Ogos lalu hanya mengeluarkan injunksi tetap bagi melarang penghantaran pemohon suaka ke Malaysia seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua buah negara di bawah Aturan mengenai Penghantaran dan Penempatan Pemohon Suaka / Pelarian yang telah ditandatangani oleh Malaysia dan Australia pada 25 Julai yang lalu.

Mahkamah Tinggi Australia telah melarang penghantaran pemohonan suaka ke Malaysia kerana status Malaysia sebagai negara bukan ahli kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pelarian 1951 dan Protokol 1967.

Keputusan ini tidak menjaskan imej negara memandangkan dokumen Aturan tersebut adalah selaras dan menyokong kerangka kerjasama serantau yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Keempat Peringkat Menteri *Bali Process* di Bali, Indonesia pada 30 Mac tahunini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerangka kerjasama serantau tersebut bertujuan menangani isu pergerakan secara tidak sah (*irregular movement*) migran termasuk pelarian dan pemohon suaka. Ini adalah kerana sekiranya isu tersebut tidak ditangani secara berkesan, ia akan menjurus kepada aktiviti-aktiviti penyeludupan migran, pemerdagangan orang dan jenayah rentas sempadan yang lain dan ianya juga berupaya meningkatkan kredibiliti dan imej negara di peringkat serantau dan antarabangsa serta jelas menunjukkan kesungguhan kita menanganinya. Ini sekaligus memberi implikasi besar kepada kegiatan penyeludupan berkenaan kerana akan menjaskan model perniagaan sindiket-sindiket tersebut yang selama ini mengaut keuntungan besar daripada aktiviti-aktiviti haram ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama Malaysia-Australia mengenai penghantaran dan penempatan semula pemohon suaka / pelarian merupakan kerjasama

seumpamanya yang pertama di dunia. Ini dengan jelas menunjukkan komitmen negara untuk menangani isu pergerakan secara tidak sah (*irregular movement*) termasuk membanteras jenayah penyeludupan migran di rantau Asia Pasifik dan juga jenayah-jenayah merentasi sempadan yang lain, malahan status sebagai bukan negara ahli Konvensyen Pertubuhan PBB mengenai Pelarian 1951 dan Protokol 1967 bukannya menjadi kekangan kepada Malaysia untuk menjalinkan kerjasama seumpama ini.

Dalam merundingkan dokumen Aturan ini, Malaysia telah terlebih dahulu meletakkan syarat bagi penglibatan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR) dan Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM). Hakikatnya kedua-dua negara telah mendapatkan pandangan dan persetujuan daripada kedua-dua badan antarabangsa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia tetap komited kepada kerjasama yang telah dipersetujui dengan Australia di bawah dokumen Aturan mengenai Pertukaran dan Penempatan Semula pemohon suaka / pelarian tersebut. Kerajaan Australia juga telah menunjukkan komitmen mereka untuk menjayakan kerjasama ini melalui usaha Kerajaan mereka meminda

Akta Migrasi 1958 mereka. Ini bagi membolehkan kerjasama dengan Malaysia dilaksanakan serta membolehkan proses permohonan taraf pelarian oleh pemohon suaka ke Australia di negara-negara seperti Papua New Guinea dan Nauru. Pindaan ini telah dibentangkan di Parlimen Australia dan dijangka didebatkan pada penggal Parlimen negara tersebut yang bermula pada 11 - 20 Oktober ini.

No. Soalan : 2
PR-1243-L45591

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **TUAN JOHN A/L FERNANDEZ**
TARIKH **[SEREMBAN]**
 RABU, 12 OKTOBER 2011

SOALAN **Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan berkenaan dengan kes jurukamera BERNAMA TV, Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor yang mati ditembak terkena peluru sesat di Somalia baru-baru ini, apakah tidak terdapat sebarang garis panduan atau arahan keselamatan yang wajib dipatuhi seperti memakai baju kalis peluru bagi petugas-petugas sukarelawan kemanusiaan yang bertugas di negara-negara yang bergolak.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. Seremban bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [**Sipitang**] bertarikh 13 Oktober 2011;
- Y.B. [**Paya Besar**] bertarikh 20 Oktober 2011;
- ® Y.B [**Jelutong**] bertarikh **31 Oktober 2011**;
- Y. B [**Petaling Jaya Selatan**] bertarikh 1 November 2011;
- Y.B [**Tumpat**] bertarikh 30 November 2011;
- ® Y.B. [**Kota Tinggi**] bertarikh **1 Disember 2011**; dan ® Y.B [**Bandar Tun Razak**] bertarikh **20 Oktober, 2 dan 24 November 2011** kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan tersebut.

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Somalia kini dilanda krisis kebuluran yang meruncing dan kian melarat akibat kemarau panjang. Bagi pihak negara kita, Kementerian Luar Negeri telah melancarkan satu kempen bagi mengisi Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri untuk juga membantu mangsa-mangsa krisis kebuluran di negara tersebut. Disamping itu, Kerajaan Malaysia akan menyumbang sebanyak USD1 juta kepada Tabung Amanah OIC Somalia dalam bentuk barang yang diperlukan, dengan izin, *in-kind*, untuk membantu mangsa kebuluran di sana.

4. Kerajaan sangat berbangga dengan bertambahnya bilangan, inisiatif

dan komitmen badan-badan bukan kerajaan yang memberi bantuan kepada mangsa-mangsa krisis kemanusiaan akibat bencana dan konflik bersenjata di luar negara. Antaranya ialah Kelab Putera 1 Malaysia yang telah menganjurkan satu misi bantuan kemanusiaan ke Somalia dari 28 Ogos hingga 4 September 2011.

Tuan yang di-Pertua,

5. Sebaik sahaja Kementerian Luar Negeri dimaklumkan bahawa Kelab Putera 1 Malaysia berhasrat dan akan berangkat ke Somalia dalam beberapa hari untuk menjalankan misi kemanusiaan, Kementerian telah memberikan pandangan dan nasihat berkenaan situasi semasa, memandangkan keadaan politik yang tidak stabil di negara berkenaan. Nasihat dan panduan ini juga diberikan sepanjang misi bantuan kemanusiaan tersebut dilaksanakan.
6. Sebelum misi tersebut berlepas ke Somalia, satu pasukan peninjau telah ditugaskan ke sana bagi menyelaras dan menguruskan aspek-aspek keselamatan, logistik dan perhubungan. Semasa di Mogadishu, pasukan peninjau telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Kerajaan Peralihan Persekutuan, dengan izin, *Transitional Federal Government* (TFG) Somalia, iaitu, TYT Sheikh Sharif Sheikh Ahmed. Beliau telah bersetuju untuk mengizinkan bantuan kemanusiaan berkenaan disalurkan dengan kerjasama Pejabat Presiden TFG dan Timbalan Menteri Perikanan TFG dilantik sebagai Pegawai Perhubungan (*Liaison Officer*) misi bantuan kemanusiaan ini semasa mereka berada di Somalia. Disamping itu, beliau juga memberi keizinan untuk pesawat C-130 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) memasuki ruang udara dan

mendarat di Somalia, dan memberi perlindungan keselamatan bagi semua anggota misi disamping kebenaran untuk berkomunikasi dengan agensi-agensi keselamatan Somalia bagi memperolehi maklumat setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Berkenaan dengan permohonan penggunaan pesawat C130 TUDM oleh Kelab Putera 1 Malaysia, saya ingin maklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang permohonan tersebut sewajarnya dan mengizinkannya atas faktor keselamatan misi tersebut, dan dengan syarat semua perbelanjaan berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh Kelab bekenaan. Dalam meluluskan penggunaan aset Kerajaan sebegini, saya ingin menegaskan bahawa semua kos perbelanjaan yang terlibat mestilah ditanggung sepenuhnya oleh badan bukan kerajaan yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Secara keseluruhannya, misi bantuan kemanusiaan Kelab Putera 1 Malaysia telah mencapai matlamat untuk mengagihkan bantuan ke beberapa kem pelarian di Somalia. Kes tembakan yang menyebabkan kematian Allahyarham Noramfaizul Mohd. Nor merupakan satu insiden terpencil dan diluar jangkaan yang berlaku pada saat-saat akhir misi tersebut, memandangkan kesemua garis panduan dan arahan keselamatan yang dikeluarkan telah dipatuhi. Saya ingin mengambil kesempatan di sini, bagi pihak Kerajaan Malaysia, untuk sekali lagi menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

9. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, siasatan

terhadap insiden yang menimpa Allahyarham Noramfaizul Mohd. Nor telah dilaksanakan. Pada 26 September 2011, Misi Pengaman Kesatuan Afrika di Somalia atau dengan izin *African Union Mission in Somalia*, iaitu, AMISOM, dengan secara rasminya telah mengeluarkan laporan penuh mengenai siasatan terhadap empat (4) warga Burundi anggota AMISOM yang didakwa telah menembak dan menyebabkan kematian Allahyarham. AMISOM juga memohon maaf kepada Kerajaan Malaysia secara rasmi mengenai tragedi ini dan sudah melucutkan jawatan keempat-empat tentera Burundi tersebut daripada AMISOM dan menghantar mereka pulang untuk dibicarakan.

10. Susulan kenyataan oleh AMISOM tersebut, Kementerian telah meminta Perwakilan Malaysia di Nairobi, Kenya, untuk memantau perkembangan perbicaraan tersebut sehingga sehingga kes tersebut selesai. Di samping itu, Kementerian juga akan mengemukakan satu permintaan secara rasmi kepada AMISOM dan Kerajaan Burundi supaya segala perkembangan terkini mengenai perbicaraan kes tersebut dimaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri. Selain dari tindakan di atas, Kementerian juga sedang mengkaji dari sudut undang-undang mengenai tindakan susulan yang boleh diambil untuk memastikan keempat-empat tentera Burundi ini diadili dan dihukum setimpal dengan jenayah yang telah mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Sehingga kini, selain daripada Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor, terdapat (6) enam orang lagi rakyat Malaysia yang telah terkorban di Somalia, iaitu:

- a. Lima (5) orang anggota Angkatan Tentera Malaysia yang

terkorban di dalam misi *United Nations Operation in Somalia* (UNOSOM) dari Mac 1993 hingga Mac 1995; dan

- b. Allahyarham Lt. Komander (Bersara) Rashid Musa, seorang pegawai Syarikat KUB Berhad yang terkorban pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Demi mengurangkan risiko keselamatan keatas ahli-ahli misi bantuan kemanusiaan kita di luar negara, Kementerian saya telah menegaskan bertapa pentingnya setiap badan-badan bukan kerajaan mempunyai dan mematuhi Piawaian Prosedur Operasi (PPO), atau dengan izin, *Standard Operating Procedure* (SOP). Kementerian Luar Negeri akan meneliti setiap PPO mereka untuk memastikan ianya mempunyai perancangan yang menyeluruh dan terperinci. Ini termasuklah untuk aspek-aspek keselamatan bagi mengelakkan sebarang situasi yang tidak diingini berlaku demi mengurangkan risiko keselamatan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARI PADA

**TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN [TELUK INTAN]**

TARIKH

12 OKTOBER 2011

SOALAN

3

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan dan strategi baru yang akan diselami oleh Kementerian khasnya Jabatan Keselamatan Jalan Raya untuk mengurangkan bilangan kemalangan maut semasa musim perayaan.

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan merujuk kepada kegagalan Ops Sikap 24, apakah peranan Kementerian bagi membantu PDRM membendung masalah kemalangan di waktu perayaan yang kian parah.

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang program bagi mendidik rakyat Malaysia bagi mengurang berlakunya kecelakaan jalan raya khasnya di waktu perayaan selain penguatkuasaan undang-undang.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha dilaksana untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Cadangan melarang kenderaan lama dari menggunakan jalan raya bukan penyelesaian kerana perangkaan menunjukkan banyak juga kemalangan membabitkan kenderaan berusia kurang 25 tahun.

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa memandangkan Ops Sikap yang dilaksanakan baru-baru ini gagal, apakah langkah-langkah seterusnya yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan kemalangan di jalan raya khususnya di musim-musim perayaan.

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah sebarang inisiatif lain selain daripada Ops Sikap yang boleh mengurangkan bilangan kemalangan maut yang semakin meningkat terutama pada musim-musim perayaan. Negara manakah yang boleh dijadikan model terbaik bagi pengawasan sikap pengguna jalan raya dan yang mempunyai bilangan kemalangan maut terendah.

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan selanjutnya memandangkan Ops Sikap ke-24 yang berakhir 7 September 2011 tahun ini telah gagal menepati sasaran untuk menurunkan kes-kes kemalangan maut. Tidakkah lebih baik Kerajaan membelanjakan dana yang diperuntukkan Ops Sikap ini kepada program latihan memandu dan menunggang dengan cara yang berhemah secara besar-besaran secara berterusan.

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan komitmen Kementerian di dalam memastikan kadar kemalangan maut pada setiap musim-musim perayaan dapat dikurangkan walaupun dengan adanya Ops Sikap.

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan holistik Kementerian untuk mengatasi kemalangan maut di jalan raya yang semakin meningkat. Apakah tindakan jangka pendek yang akan diambil segera oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon izin untuk menjawab bersekali pertanyaan ini bersama dengan 8 pertanyaan lain iaitu daripada:

- (i) B Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] pada 17 Oktober 2011; Y
- (ii) B Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] pada 19 Oktober 2011; Y
- (iii) YB Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] pada 1 November 2011;
- (iv) YB Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] pada 9 November 2011);

- (v) YB Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] dan YB Dato' Rashid bin Din [Merbok] pada 16 November 2011;
- (vi) YB Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan] pada 30 November 2011); dan
- (vii) YB Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] pada 1 Disember 2011

kerana kesemua pertanyaan tersebut menyentuh mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Y.B., Kerajaan sememangnya memandang berat dan sentiasa mencari strategi dan pendekatan baru untuk memerangi gejala kemalangan di jalan raya berdasarkan strategi 5E (*Education, Enforcement, Environment, Engineering, Evaluation*) yang sememangnya menjadi sasaran dan tunjang utama strategi pembanterasan gejala ini bagi setiap keadaan dan masa.

Strategi ini memerlukan pendekatan holistik dan kerjasama serta sokongan semua anggota masyarakat untuk menentukan keberkesanan dan kejayaannya. Ini kerana keselamatan adalah tanggungjawab semua sesuai dengan matlamat membentuk budaya selamat (*safety culture*) dikalangan masyarakat.

Bagaimanapun, seperti mana yang Y.B. sedia maklum bahawa kadar kemalangan adalah sangat berkait rapat dengan pertambahan jumlah kenderaan yang sentiasa bertambah dengan kadar yang cepat iaitu lebih kurang 1 juta setahun dengan nisbah jumlah kenderaan kepada pemegang lesen memandu iaitu 1.7 : 1. (Pengiraan ini adalah berdasarkan jumlah kenderaan sehingga 31 Ogos 2011 sebanyak 21,021,217 buah dan jumlah pemegang lesen memandu bagi tempoh yang sama iaitu 12,623,950 orang).

Suka juga saya ingin menegaskan di sini, bahawa majoriti kemalangan maut adalah disumbangkan oleh penunggang dan pembonceng motorsikal iaitu purata 3,676 kematian setahun atau 58.2% (Pengiraan bagi tempoh 10 tahun 2001 - 2010) dan manakala populasi motorsikal juga bertambah sebanyak 12 % setahun.

Tuan Yang DiPertua

Sebagai menjawab pertanyaan Y.B. berkaitan inisiatif yang dilakukan untuk membanteras kemalangan di musim perayaan adalah seperti berikut;

- (i) pemeriksaan dan pemantauan ke atas bas ekspres oleh JPJ dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan di terminal dan depot bas.

Pemeriksaan ini bertujuan bagi memastikan keadaan fizikal bas ekspres berada di tahap yang memuaskan di samping mengesan penyalahgunaan dadah oleh pemandu sebelum bas ekspres memulakan perjalanan;

- (ii) larangan ke atas kenderaan barang menggunakan jalan raya dikuatkuasakan pada 27 dan 28 Ogos 2011 iaitu 2 hari sebelum Hari Raya Aidilfitri serta 3 dan 4 September 2011 iaitu 2 hari selepas Hari Raya Aidilfitri. Larangan ini adalah bagi mengurangkan kesesakan lalulintas dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya;
- (iii) pemberhentian sementara kerja-kerja pembinaan di jalan raya sepanjang daripada 23 Ogos hingga 6 September 2011 bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya;
- (iv) pengurangan had laju maksima sebanyak 10km/j bagi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri daripada 23 Ogos hingga 6 September 2011;
- (v) meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dengan kerjasama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di mana 2,198 Lesen Perubahan Sementara bagi bas tambahan berdasarkan laluan terbuka telah dikeluarkan untuk memenuhi peningkatan permintaan semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2011;
- (vi) meningkatkan kekerapan iklan keselamatan jalan raya melalui saluran tv, radio, internet dan suratkhabar utama; dan
- (vii) memperhebatkan kempen advokasi oleh JKJR di seluruh negara

dengan penekanan kepada pemakaian topi keledar dan tali pinggang
keledar depan dan belakang.

SOALAN(4)
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 12 OKTOBER 2011 (RABU)

DARI PADA Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

SOALAN

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah aduan-aduan yang sering dikemukakan oleh pembeli rumah terhadap pemaju perumahan dan sejauh manakah undang-undang berkesan untuk memastikan pemaju tidak melambatkan pemohonan mendapatkan Sijil Kelayakan (CF Atau CCC -*Certificate Of Compliance And Completion*).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aduan-aduan yang sering dikemukakan oleh pembeli rumah adalah seperti berikut:-

- i) Aduan melibatkan Perjanjian Jual Beli;
- ii) Aduan melibatkan hak milik individu/strata;
- iii) Masalah infrastruktur (air/elektrik/sistem kumbahan);
- iv) Kecacatan mutu kerja;
- v) Jangka masa tempoh liabiliti kecacatan yang dipendekkan oleh pemaju;
- vi) Kelewatan menyerahkan kunci rumah oleh pemaju kepada pembeli;

- vii) Aduan berkaitan Lesen/Permit Iklan & Jualan;
- viii) Penyenggaraan/pengurusan bangunan dan harta bersama;
- ix) Projek sakit/lewat;
- x) Projek terbengkalai;
- xi) Ingkar yAu/ard Tribunal TuntutanPembeli Rumah; dan
- xii) Aduan melibatkan SijilLayak Menduduki (CFO)/ Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)

Pembeli yang menandatangani Perjanjian Jual dan Beli dalam bentuk Jadual G (*Landed Properties*), tempoh penyiapan bangunan adalah selama 24 bulan. Manakala tempoh penyiapan bangunan bagi pembeli yang menandatangani Perjanjian Jual dan Beli dalam bentuk Jadual H (*High-rise Properties*), adalah selama 36 bulan seperti mana ianya termaktub di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Sekiranya pemaju gagal menyiapkan rumah tersebut berdasarkan kepada

tempoh yang ditetapkan, pembeli mempunyai hak melalui klausा 22 pada Jadual G dan klausа 25 pada Jadual H untuk menuntut ganti rugi. Pemaju bertanggungjawab untuk membayar kepada pembeli sejumlah ganti rugi yang dikira dari hari ke hari pada kadar sepuluh peratus (10%) setahun daripada harga beli dari tarikh luput penyerahan milikan kosong hingga tarikh pembeli mengambil pemilikan kosong bangunan tersebut. Sekiranya pemaju gagal untuk membayar ganti rugi tersebut, pembeli boleh memfailkan tuntutan tersebut melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara telah meningkatkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dengan membuat semakan dan pemeriksaan ke atas

kemajuan projek-projek perumahan yang dibina oleh pemaju bagi memastikan projek perumahan disiapkan mengikut Jadual G dan H.

Selain itu, penguatkuasaan ke atas Seksyen 7(f), Akta Pemajuan Perumahan 1966 telah ditingkatkan dengan meningkatkan kekerapan penghantaran laporan kemajuan kepada Jabatan Perumahan Negara oleh Pemaju [borang 7(f)] dari dua (2) kali setahun kepada empat (4) kali setahun.

Kegagalan pemaju mematuhi Seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

NO
SOALAN

:375

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.10.2011

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak terhadap pertumbuhan ekonomi negara dan keyakinan pelabur asing ekoran penurunan penarafan kredit AAA untuk Amerika Syarikat kepada AA+ untuk kali pertama sejak negara itu memperolehnya pada tahun 1917

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penurunan taraf kredit Amerika Syarikat (AS) dari AAA kepada AA+ oleh Standard and Poor's (S&P) pada 5 Ogos 2011 (Jumaat) adalah berikutan kelewatan pihak Kongres AS untuk meluluskan *debt ceiling* negara tersebut yang mana perkara ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap keupayaan AS untuk membayar balik hutang negara.

2. Impak daripada penurunan taraf kredit tersebut telah menjaskan kebanyakan bursa saham utama dunia. Namun demikian, kesannya ke atas FTSE Bursa Malaysia tidak begitu ketara jika dibandingkan dengan bursa saham Hong Kong (HSI), Jepun (NKY) dan Singapura (FSSTI) yang merosot sebanyak 5.6%, 3.4% dan 5.5% berbanding FTSE Bursa Malaysia yang

menurun sebanyak 2.6% dalam minggu pertama selepas penurunan kredit dilakukan oleh S&P.

3. Dari segi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara, kesannya tidak begitu ketara. Ini memandangkan dalam tempoh separuh pertama 2011, ekonomi negara berupaya berkembang 4.4% meskipun dengan persekitaran luar yang mencabar. Asas-asas ekonomi yang kukuh seiring dengan dasar pengurusan makroekonomi yang pragmatik serta pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan antara faktor pendorong peningkatan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Momentum pertumbuhan ini dijangka kekal menggalakkan dalam tempoh separuh kedua 2011 dengan ekonomi dipacu oleh perbelanjaan permintaan domestik dan kecergasan aktiviti pelaburan. Dengan mengambil kira perkembangan ini, pertumbuhan ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar 5% - 5.5% pada tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Penurunan penarafan kredit di AS ini dijangka tidak memberikan impak yang signifikan terhadap keyakinan pelabur asing untuk terus melabur di Malaysia. Dalam tempoh separuh pertama 2011, jumlah aliran masuk pelaburan asing (FDI) telah meningkat 75.4% kepada RM21.2 bilion, berbanding dengan RM12.1 bilion bagi tempoh yang sama 2010. Tambahan pula, peningkatan kedudukan daya saing Malaysia dalam Global Competitiveness Report 2011 - 2012 dari tangga 26 ke tangga 21 telah mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Ini adalah kesan daripada usaha-usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan pelaburan dan daya saing negara melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10, ETP dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Di samping itu, terdapat beberapa inisiatif utama Kerajaan untuk menarik pelaburan asing termasuk pemberian insentif bagi menerokai bidang pertumbuhan baharu, langkah liberalisasi ekonomi, penswastaan syarikat milik Kerajaan, pengkorporatan MIDA dan penambahbaikan yang berterusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

5. Selain daripada itu, prospek pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka terus berkembang juga bersandarkan kepada prestasi ekonomi serantau Asia. Unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 20 September 2011 menunjukkan prestasi ekonomi serantau Asia dijangka terus positif terutamanya bagi negara membangun berkembang pesat seperti China, India dan Indonesia. Perkembangan ini turut menyokong pertumbuhan perdagangan intra-serantau, seterusnya akan mengimbangi kesan kelembapan AS dan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan yakin inisiatif-inisiatif lain yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2012 pada Jumaat, 7 Oktober baru-baru ini akan memanfaatkan pertumbuhan ekonomi domestik yang menjadi lebih berdaya tahan dan seterusnya berupaya mengurangkan impak persekitaran ekonomi yang semakin tidak menentu.

NO SOALAN: 06

DEWAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
RAKYAT

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA

**Y.B TUAN
MERAH)**

**AMRAN BIN AB GHANI (TANAH
(RABU)**

12.10.2011 TARIKH

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) pencapaian kejayaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam memberi kesedaran awal kepada remaja, adakah mereka yang menyertai PLKN masih terlibat dalam jenayah; dan**
- (b) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian sejak awal penubuhan hingga 2011.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan satu agenda Kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang cintakan negara, memupuk perpaduan antara kaum, mewujudkan semangat kesukarelaan dan melahirkan generasi muda yang mempunyai nilai-nilai murni, berkepimpinan dan berkeyakinan diri. Kesemua nilai-nilai yang ditetapkan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang berpatriotik dan bersedia untuk berkhidmat kepada Negara.

Pelatih yang menyertai PLKN didedahkan dengan kaedah pelaksanaan latihan melalui modul yang dinamik dan berbentuk motivasi secara berterusan dan konsisten selama 3 bulan mereka berada di kem. Justeru itu, Kementerian percaya dengan latihan yang konsisten tersebut, ia berjaya memberi kesedaran awal kepada pelatih seterusnya berupaya mencernakan imej dan perlakuan positif ke arah menjadi warganegara yang berakhhlak mulia dan tidak mudah terlibat dengan kes jenayah dan budaya negatif yang menular.

Walaupun Kementerian ini tidak mempunyai statistik remaja yang pernah menyertai PLKN tetapi masih terlibat dalam kes jenayah, namun Kementerian yakin bahawa remaja yang telah menjalani PLKN mampu menjadi remaja yang mempunyai jati diri

NO SOALAN: 06

yang kukuh yang dapat mengawal diri daripada terjebak dengan kes jenayah. Perkara

ini juga disokong berdasarkan peningkatan pendaftaran pelatih dalam Pasukan Sukarela yang bertambah dari tahun ke tahun selain kajian-kajian yang telah dilaksanakan antaranya kajian keberkesanan PLKN bersama kumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di mana hasil kajian menunjukkan maklumbalas yang positif melebihi lapan puluh peratus (80%) terhadap semua komponen yang dinilai iaitu semangat patriotisma, perpaduan kaum, semangat kesukarelaan, berperwatakan positif dan pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak awal penubuhan PLKN yang bermula pada tahun 2004 sehingga 31 Ogos 2011, PLKN telah membelanjakan sebanyak RM4.7 bilion.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

TARIKH : 12 OKTOBER 2011

SOALAN

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN**

SOALAN NO.: 7

ALAM SEKITAR menyatakan

- (a) apakah pelan komprehensif jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam menangani kesan perubahan iklim dunia; dan
- (b) apakah terdapat sebarang pemantauan dilakukan terhadap setiap agensi Kerajaan agar arahan menetapkan suhu penyamanan udara kepada 24 darjah celcius benar-benar dipraktik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu perubahan iklim secara bersepadu, Kerajaan telah melancarkan Dasar Perubahan Iklim Negara pada 30 Ogos 2010. Untuk menyelaraskan usaha-usaha Dasar tersebut, Kerajaan telah menujuhkan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Dasar Perubahan Iklim Negara berperanan sebagai satu rangka kerja untuk menggerak dan memberikan panduan kepada agensi kerajaan,

industri, komuniti dan juga pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim secara menyeluruh dan bersepada. Dasar ini menitikberatkan pengukuhan keupayaan negara agar impak perubahan iklim dapat dikurangkan, di samping menggalakkan langkah mitigasi dan adaptasi yang boleh mempertingkatkan pembangunan negara secara lestari.

Objektif Dasar ini adalah untuk:-

- i. Mengarusperdanakan perubahan iklim melalui pengurusan sumber yang bijaksana dan pemuliharaan alam sekitar yang dipertingkatkan untuk memperkuuhkan daya saing ekonomi dan kualiti hidup;
- ii. Mengintegrasikan respons bagi memperkuatkan daya tahan pembangunan terhadap perubahan iklim yang semasa dan

dijangka ke dalam dasar national, pelan dan program negara; dan

- iii. Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan untuk memanfaatkan peluang baru dalam mengurangkan impak negatif perubahan iklim.

Pelaksanaan dasar ini adalah berdasarkan kepada lima (5) prinsip iaitu:-

- i. Pembangunan secara lestari;
- ii. Pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli;
- iii. Pelaksanaan secara bersepadu;
- iv. Penglibatan yang berkesan; dan
- v. Tanggungjawab sama beban berbeza dan keupayaan tersendiri (*common but differentiated responsibilities and respective capabilities*).

(b) Perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan melakukan pemantauan terhadap pelaksanaan arahan agar setiap agensi Kerajaan menetapkan suhu penyamanan udara kepada 24 darjah celcius.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO.: 8

DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

[TELOK INTAN]

TARIKH : 12 OKTOBER 2011

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan baru-baru ini Malaysia sekali lagi menjadi pusat perdagangan (*trafficking hub*) untuk haiwan dan hidupan liar yang terancam (*endangered species*) termasuk penyeludupan gading gajah dari Afrika ke China melalui Malaysia. Apakah langkah-langkah atau tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia bukanlah merupakan sebuah hab perdagangan haram (*trafficking hub*) untuk hidupan liar terancam. Komitmen dan kesungguhan negara kita dalam menangani perdagangan haram hidupan liar adalah dicerminkan dalam kelulusan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] yang berkuatkuasa mulai 28 Disember 2010. Di bawah Akta ini, penalti yang lebih tinggi dan hukuman penjara dikenakan ke atas pesalah yang terlibat dalam kes-kes berkaitan dengan penyeludupan hidupan liar.

Usaha penguatkuasaan dalam negeri bagi menangani perdagangan haram hidupan liar telah dipertingkatkan. Ini jelas melalui kes-kes yang telah berjaya ditangkap. Sejumlah 244 kes tangkapan telah dibuat oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung

Malaysia (PERHILITAN) dalam tempoh 2006 hingga Ogos 2011.

Pihak Kementerian turut bekerjasama dengan pihak Kastam DiRaja Malaysia dalam membanteras penyeludupan hidupan liar. Sebagai contoh, dalam kes gading gajah yang berasal dari Afrika yang telah menggunakan Malaysia sebagai transit dalam perjalanan ke negara China telah berjaya ditumpaskan. Dalam kes ini, rampasan telah dibuat oleh Jabatan Kastam, di mana, sejumlah 6560.5 kilogram gading gajah telah berjaya dirampas dalam tiga (3) operasi yang berasingan iaitu pada:

- i. 8 Julai 2011 - 2,974 kilogram gading gajah dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang;
- ii. 19 Ogos 2011 - 1,586.5 kilogram gading gajah dirampas di Pelabuhan Butterworth, Pulau Pinang; dan
- iii. 2 September 2011 - 2,000 kilogram gading gajah dirampas di Pelabuhan Klang.

Untuk menangani kegiatan *trafficking* dari luar negara termasuk menggunakan Malaysia sebagai persinggahan (transit), Jabatan PERHILITAN akan terus memperkuatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasa lain terutamanya Jabatan Kastam, Polis DiRaja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta dengan INTERPOL dan ASEAN - Wildlife Enforcement Network (ASEAN-WEN) bagi membendung penyeludupan hidupan liar.

Pihak Kementerian akan terus memperkuatkan penguatkuasaan dan melaksanakan kaedah-kaedah baru untuk membanteras kegiatan perdagangan hidupan liar di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**
 [SETIU - BN]

TARIKH

12 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN NO.9

SOALAN NO. 9

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN:-

- (a) menyatakan strategi jangka pendek dan panjang untuk mewujudkan belia berwawasan dalam menghindarkan penyakit sosial seperti merempit dan melepak; serta
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menyediakan peluang ekonomi atau pekerjaan serta latihan-latihan yang boleh membantu mereka ke arah yang lebih baik.

JAWAPAN

(a)

1. Kementerian tidak menafikan bahawa terdapat belia yang terlibat di dalam aktiviti yang negatif, namun begitu kementerian turut mengiktiraf belia Malaysia yang telah membuktikan kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk profesional, keusahawanan, kepimpinan, kesukarelaan, sukan dan lain-lainnya. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memainkan peranan masing-masing dalam membentuk generasi muda dalam negara agar menjadi generasi belia yang berguna. Justeru itu, kerjasama agensi kerajaan, institusi keluarga, pihak swasta, pertubuhan belia, pertubuhan bukan kerajaan dan pemimpin tempatan dalam menangani masalah isu penyakit sosial di kalangan belia ini adalah amat mustahak.

2. Bagi tujuan ini, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan pelbagai program yang berterusan dalam bentuk kepimpinan, pembangunan sahsiah, keusahawanan serta pengukuhan patriotisme dan integrasi kaum kepada golongan belia. Melalui makmal Transformasi Pembangunan Belia, 6 inisiatif yang merupakan perancangan jangka pendek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan oleh Kementerian ini dalam tempoh 1 hingga 3 tahun iaitu
 - i. MyPark - Malaysian Youth Park
 - ii. Parlimen Belia,
 - iii. Vyrec - Virtual Youth Resource Centre,
 - iv. Youth Icons,
 - v. MyCorps dan;
 - vi. The Leader.

Manakala dalam perancangan strategi jangka panjang pula, Kementerian telah merangka tujuh (7) Teras Pelan Strategik 2010 - 2015 sebagai garis panduan mencapai visi dan misi nasional, yang antara lain adalah untuk menangani masalah gejala sosial dikalangan remaja. Tujuh Teras Pelan Strategik Kementerian adalah

- i. Pemantapan keupayaan dan kapasiti organisasi;
- ii. Pemerksaan pembangunan insan dan gerakan belia;
- iii. Pembudayaan sukan untuk semua;
- iv. Pengukuhan pembangunan sukan berprestasi tinggi;
- v. Pembangunan industri sukan sebagai penjana ekonomi negara;
- vi. Peningkatan jalinan kerjasama dan perkongsian pintar; dan
- vii. Pemantapan penyelidikan dan pembangunan belia dan sukan.

(b)

1. Kerajaan menyedari peri pentingnya soal ekonomi dan pekerjaan kepada golongan muda dan pelbagai usaha telah dilakukan termasuk memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Melalui ETP ini negara dijangka mampu mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang 2020. Dalam soal ini, Kementerian diberi tanggungjawab untuk melatih para belia dalam bidang kemahiran sebagai menyediakan mereka ke dalam pasaran pekerjaan negara. Di bawah 20 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), para pelatih akan diterapkan dengan kurikulum latihan bersepadu dengan menekankan soal kemahiran, pembangunan modal insan dan jatidiri serta aspek keusahawanan sebagai langkah menyediakan mereka sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

**SOALAN NO
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

KAWASAN

TARIKH

LISAN

Y.B. TUAN TAN KOK WAI CHERAS

12 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah cara Kerajaan boleh membantu melepaskan kesusahan rakyat yang terpaksa membayar caj tol bagi ialuan di Lebuhraya Cheras Kajang dan nyatakan butir-butir berikutnya iaitu, tempoh perjanjian konsesi, jumlah kos pembinaan, jumlah kutipan tol sehingga kini dan jangkaan kutipan bila tempoh konsesi tamat, perbelanjaan tahunan ke atas penyenggaraan, berbanding volum trafik yang sebenar dan ramalan, jumlah pampasan yang dibayar oleh Kerajaan bagi pembatalan kenaikan kadar tol setakat ini, berapa banyak dan bilakah semakan kadar tol berikutnya akan dibuat.

] A WAP AN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Cheras-Kajang telah dibina secara penswastaan oleh syarikat konsesi Grand Saga Sdn. Bhd. (GSSB). Perjanjian Konsesi telah ditandatangani pada 19 September 1995 dan lebuh raya tersebut dibuka kepada lalu-lintas pada 15 januari 1999. Lebuh raya sepanjang 11.5 kilometer itu bermula dari Persimpangan Taman Connaught, Cheras hingga ke Persimpangan Saujana Impian, Kajang. Kos bagi membina lebuh raya berkenaan ialah sebanyak RM282 juta yang ditanggung oleh syarikat konsesi manakala kos pengambilan tanah sebanyak RM 194.5 juta ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Tempoh konsesi asal Lebuhraya Cheras-Kajang ialah selama 30 tahun, iaitu dari 19 September 1995 hingga 18 September 2025. Walau bagaimanapun, tempoh konsesi tersebut telah dilanjutkan sehingga September 2030 berikutkan perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Penstrukturkan semula kadar tol pada 13 Disember 2002 di mana tempoh konsesi telah dilanjutkan selama 2 tahun, iaitu dari tahun 2025 kepada tahun 2027; dan
- (2) Isu kebocoran trafik di Bandar Mahkota Cheras (BMC). Sebagai langkah penyelesaian, Kerajaan telah berunding dengan syarikat konsesi dan bersetuju antara lain untuk

memberikan lanjutan tempoh konsesi selama 3 tahun lagi, iaitu dari tahun 2028 kepada tahun 2030.

Tuan Yang Di-Pertua;

jumlah kutipan tol Lebuhraya Cheras-Kajang dari tempoh mula beroperasi hingga 31 Disember 2010 ialah sebanyak RM585.5 juta. Jumlah tersebut adalah iebih rendah berbanding unjuran kutipan tol dalam Perjanjian Konsesi iaitu sebanyak RM613.4 juta. Manakala jumlah aliran trafik sebenar untuk tempoh yang sama ialah sebanyak 809.7 juta kenderaan berbanding unjuran trafik asal sebanyak 822.8 juta. Kos keseluruhan bagi tujuan penyelenggaraan dan operasi untuk tempoh berkenaan ialah sebanyak RM147.3 juta. Sehingga 31 Disember 2010, Kerajaan telah menjelaskan pampasan dalam bentuk tunai sebanyak RM105.15 juta kepada syarikat konsesi GSSB, iaitu sebahagian besarnya disebabkan oleh penstrukturran semula kadar tol yang dimeterai melalui Perjanjian Konsesi Tambahan pada tahun **2002**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perjanjian konsesi, kadar tol di Lebuhraya Cheras-Kajang akan menerima kenaikan pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, Kerajaan ketika ini masih sedang mengkaji opsyen-opsyen yang boleh dipertimbangkan sebagai iangkah bagi meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna di lebuh raya tersebut. Sehubungan itu, pada masa kini Kementerian Kerja Raya bersama-sama Kementerian Kewangan dan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di Jabatan

Perdana Menteri sedang berunding bagi meneliti cadangan dan implikasi opsyen-opsyen berkenaan sebelum ia dikemukakan bagi mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)
TARIKH	12 OKTOBER 2011
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Apakah usaha pihak Kementerian untuk mempromosikan kawasan Lubok Antu khasnya kawasan empangan Batang Ai yang amat menarik sekali dan terdapat banyak flora dan fauna di Taman Negara Lanjak Entimau serta keistimewaan kehidupan tradisi dan kebudayaan suku kaum Iban di rumah-rumah panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Lubok Antu, sememangnya kawasan Lubok Antu tidak pernah terpinggir untuk dipromosikan dan sering kali termasuk dalam program promosi oleh pihak Kementerian melalui Tourism Malaysia. Antara usaha-usaha

NO. SOALAN : 01

untuk mempromosikan kawasan Lubok Antu adalah seperti :

1. Kebanyakkan lawatan di Bandaraya Kuching yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia akan disusuli dengan lawatan produk ke kawasan Lubok Antu.
2. Sehingga bulan Ogos 2011, seramai 58 orang wakil agensi pelancongan dan pihak media dari luar negara telah dibawa ke kawasan Taman Negara Batang Ai dan Lubok Antu untuk melihat sendiri keindahan taman negara dan merasai kehidupan di rumah panjang serta tradisi masyarakat Iban di beberapa rumah panjang di kawasan tersebut.

Program promosi dijalankan melalui program Mega Fam oleh Tourism Malaysia dan negara- negara peserta yang terlibat pada tahun ini adalah seperti Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Belanda, Belgium, Scandinavia, Thailand dan Filipina.

Selain dari itu, pada Febuari 2009 pihak Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk tujuan pembinaan infrastruktur pelancongan bagi menyokong Pesta Batang Ai, Lubok Antu seperti pembinaan Jeti Belian sepanjang 150 meter, pentas berbumbung untuk VIP, Pavilion dan pengkalan jet ski di kawasan Empangan Hidroelektrik Batang Ai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN CHARLES ANTHONY A/L
 R.SANTIAGO [KLANG]**

TARIKH 12 OKTOBER 2011

SOALAN NO: 12

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menggubalkan Undang-undang Hak untuk Maklumat / Informasi (*Right to Information*) sebagai salah satu langkah untuk membasmi rasuah. Apakah tahap perbincangan mengenai RTI di dalam Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini akta dan undang-undang yang berkaitan dengan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat belum pernah dibincangkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah terjamin. Kerajaan telah memberi peluang dan ruang kepada rakyat untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan selagi ia tidak menyalahi undang-undang dan akta yang telah digariskan pada masa kini. Kerajaan berpendapat akta dan peraturan sedia ada sudah memadai untuk membolehkan rakyat mendapat maklumat.

Sebagai langkah yang lebih kukuh dalam usaha membasmi gejala rasuah, Kerajaan telah melaksanakan Akta Perlindungan Pemberi

Maklumat 2010 (*Whistleblower Protection Act 2010*) yang telah mula dikuatkuasa mulai pada 15 Disember 2010. Melalui akta ini, Pemberi Maklumat mengenai amalan dan salah laku bersabit rasuah akan diberikan imuniti daripada dikenakan sebarang tindakan sivil atau jenayah di mahkamah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENG6AL KEESVUPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

Pertanyaan	PESiBERITAHU PERTANYAAN PERTANYAAN
Daripada	DEWAN RAKYAT LISAN
	Tan Sri Dato ¹ Seri Ong Ka Ting [Kulai]
Tarikh	12 Oktober 2011 (Rabu)
Menjawab	No. 13
Soalan	Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [KuSai] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLAOANGAN DAN KOMODITi menyatakan adakah Kementerian menggalakkan kemasukan pelaburan asing dalam penanaman pokok getah secara besar-besaran di Malaysia dan seterusnya memproses hasil getah dalam bentuk produk kimia melalui perkilangan di lokasi perladangan yang sama.

PERTANYAAN-PERTANYAAW PERS1DANQAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETSGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian memang menggalakkan pelaburan dalam industri getah termasuk sektor huluan dan hiliran. Bagi sektor huluan, pelaburan secara besar-besaran bagi mengusahakan tanaman getah adalah tertakluk kepada kesesuaian tanah dan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri memandangkan hal pentadbiran dan penggunaan tanah adalah di bawah bidang mereka.

Buat masa ini, sektor tanaman getah negara dipelopori oleh pekebun kecil dan penduduk desa, di mana hampir 95% adalah diusahakan oleh golongan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Industri getah memerlukan kebergantungan yang rapat di antara sektor huluan, pemprosesan dan hiliran. Mana-mana pelabur yang ingin menceburkan diri di dalam industri getah ini, mereka boleh memilih mana-mana sektor sama ada melabur untuk membangunkan ladang-ladang getah ataupun memproses dan mengeluarkan produk- produk getah. Tiap-tiap sektor ini memerlukan kepakaran teknologi dan kemahiran yang tersendiri. Kerajaan melalui agensi Lembaga Getah Malaysia (LGM) sentiasa akan memberi khidmat nasihat dan teknikal kepada mana-mana pelabur yang

PERTANYAAN-PERTANYAAW PERS1DANQAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETSGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

memerlukannya.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEWtPAT, **PARLIMEN KE-12**, 2011

Pada tahun 2010, jumlah nilai pelaburan asimg bagi aktiviti hiliran adalah sebanyak RM172 juta. Daripada jumlah tersebut, RM125 juta adalah pelaburan di dalam sektor pengeluaran sarung tangan getah, RM45 juta pelaburan bagi pengeluaran produk getah lain dan sebanyak RM2 juta untuk getah kitar semula. Untuk makluman ahli- ahli Yang Berhormat, ketika ini Malaysia adalah pengeluar dan pengeksport terbesar sarung tangan getah dunia dengan menguasai 62% daripada jumlah pasaran global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **YB. Tuan Chua Tian Chang
[Batu]**

TARIKH JAWAPAN : **12 OKTOBER 2011** **(RABU)**

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

(a) apakah kandungan butiran kontrak IPP yang terkini

memihak kepada Kerajaan dan rakyat; dan

(b) mengapakah sehingga kini Kerajaan gagal mengumumkan kontrak IPP walaupun Menteri Idris Jala telah berjanji bahawa Kerajaan akan mendedahkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terma-terma Perjanjian Pembelian Tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPA), dengan izin, bagi Penjana Bebas atau *Independent Power Producer* (IPP), dengan izin, generasi kedua dan ketiga adalah lebih adil dengan mengambilkira kepentingan semua pihak yang terlibat.

Selain dari terma-terma PPA yang lebih adil, Kerajaan juga telah memulakan proses penawaran IPP yang lebih telus menerusi tender sepetimana telah dilaksanakan bagi pembinaan unit tambahan 1,000MW

NO. SOALAN : 14

loji jana kuasa berasaskan arang batu di Tg. Bin, Johor. Pelaksanaan projek-projek penambahan kapasiti penjanaan akan datang akan dilaksanakan menerusi proses tender terbuka.

Berhubung dengan soalan (b), saya ingin menjelaskan bahawa Perjanjian Pembelian Tenaga atau PPA, adalah perjanjian komersial di antara dua

NO SOALAN: 06

pihak, iaitu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan IPP. Perjanjian-perjanjian tersebut tidak melibatkan Kerajaan dan sebarang pengumuman mengenai isi kandungan PPA tersebut hanya boleh dibuat oleh pihak-pihak yang menandatangani PPA tersebut.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.10.2011

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) bilakah Program Skim Rumah Pertama Ku akan di realisasikan di Parlimen Gelang Patah; dan
- (b) apakah rancangan pihak Kementerian dalam menentukan agar harga rumah dapat dikawal sehingga harganya adalah bukan sahaja berpatutan tetapi termampu oleh rakyat yang makan gaji

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memahami keperluan rakyat untuk memiliki rumah dengan harga berpatutan dan berkualiti terutamanya oleh golongan muda yang baru bekerja. Untuk itu, bagi membantu golongan ini, Kerajaan telah melancarkan **Skim Rumah Pertamaku** pada bulan Mac 2011. Skim ini membolehkan golongan muda yang berusia di bawah 35 tahun dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan atau RM6,000 bagi suami dan isteri, termasuk yang baru berkahwin untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia.

3. Di bawah Skim ini, pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki, termasuk di kawasan Parlimen Gelang Patah, dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga 31 Ogos 2011, sejumlah 1,314 permohonan yang bernilai RM193.6 juta telah diterima untuk mendapatkan jaminan di bawah Skim Rumah Pertamaku. Dari jumlah tersebut, 205 pinjaman telah diberikan jaminan dengan nilai RM29.9juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. ntuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan akan turut menyediakan rumah mampu milik untuk golongan muda melalui perlaksanaan projek Perumahan Rakyat IMalaysia (PR1MA) yang akan menyediakan perumahan berkualiti pada harga antara RM150,000 hingga RM300,000 dan ke bawah. Pelaksanaan PR1MA akan ditumpukan di kawasan bandar dan pinggir bandar di seluruh negara. Walau bagaimanapun, buat permulaan PR1MA akan dilaksanakan di sekitar Lembah Klang di mana permintaan untuk rumah-rumah kos sederhana ini dijangka tinggi dan melebihi penawaran. Bagi melancarkan perlaksanaan PR1MA, Perbadanan Perumahan Rakyat IMalaysia akan

NO SOALAN: 06

ditubuhkan bagi merancang dan menyelaras pembinaan projek di bawah program tersebut di seluruh negara. Perbadanan khas ini diletak di bawah Pejabat Perdana Menteri dan akan turut membuat pengagihan rumah kepada pemohon yang layak dengan telus. Perlaksanaan PR1MA akan dapat melonjakkan pemilikan rumah untuk rakyat dan menjamin masa depan yang lebih baik kepada rakyat Malaysia.

5. K
eraajaan menerusi syarikat milik penuh Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) juga turut terlibat dalam

penyediaan rumah mampu milik dan rumah mesra rakyat. Sehingga 31 Julai 2011, sejumlah 13,437 rumah mampu milik telah siap dibina oleh SPNB dengan 9,384 daripadanya telah terjual. Manakala, 14,255 rumah lagi sedang dalam proses pembinaan dengan 8,125 unit telah terjual. Bagi rumah mesra rakyat pula, sehingga 31 Ogos 2011, sebanyak 1,127 buah rumah sedang dalam pembinaan di seluruh negara.

6. Selain itu, Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin, sejumlah 119 buah projek dengan jumlah 84,268 unit rumah telah dan sedang dilaksanakan. Sehingga akhir Jun 2011, 82 projek dengan jumlah 63,166 unit rumah telah siap dibina dan 15,682 unit rumah atau 28 projek lagi sedang dalam pembinaan.

NO SOALAN: 06

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**
DARIPADA
**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA
PERTANYAAN UTARA)**
TARIKH LISAN
12.10.2011

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan**

- (a) sebab pengambil-alihan bon syarikat konsesi air di Selangor sebanyak RM6.5 bilion dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada harga pasaran bon; dan
- (b) apakah syarat yang dikenakan ke atas syarikat konsesi air, terutamanya dari segi pembayaran balik kepada Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilalihan bon syarikat konsesi air di Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) melalui anak syarikatnya, Acqua SPV Berhad (ACQUA) pada 20 Mei 2011 adalah berjumlah RM5.8 bilion dan bukannya RM6.5 bilion seperti yang dilaporkan oleh pihak media. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum harga nominal bon industri air negeri Selangor juga adalah lebih kurang sebanyak RM5.8 bilion.

NO SOALAN: 06

Langkah pengambilalihan bon syarikat konsesi air di Selangor telah dilakukan

bagi memastikan perkhidmatan bekalan air kepada penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak terjejas di samping mengekalkan keutuhan pasaran kewangan negara. Langkah ini merupakan sebahagian daripada langkah mitigasi untuk menstabilkan industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor sementara rundingan penstrukturran perkhidmatan bekalan air negeri Selangor belum dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, pengambilalihan bon ini hanya melibatkan transaksi antara ACQUA, para pemegang bon dan syarikat konsesi air negeri Selangor. Sebagai pemegang bon, pihak ACQUA akan memastikan syarikat-syarikat air di negeri Selangor melaksanakan segala obligasinya untuk membayar balik liabiliti sebagaimana yang ditetapkan sebelum bon-bon tersebut diambil alih. **Oleh itu, pengambilalihan tersebut hanya melibatkan pertukaran pemegang bon sedia ada kepada ACQUA selaku pemegang bon baru tanpa mengurangkan atau menghapuskan liabiliti syarikat air Selangor.**

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)
TARIKH	12.10.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai status tindakan penyelarasan Elaun Perumahan Wilayah di kalangan guru-guru di Malaysia seperti yang telah diumumkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Elaun Perumahan Wilayah (EPW) adalah imbuhan berbentuk kemudahan perumahan yang diterima oleh pegawai Perkhidmatan Awam termasuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang bertukar wilayah iaitu pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya. Pemberian EPW adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 dan penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana terletaknya pejabat pegawai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana terletaknya pejabat pegawai. Kawasan bandar hendaklah berpandukan kepada kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan. Oleh yang

guru yang merupakan anggota perkhidmatan awam perlu mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa. Sebarang perubahan terhadap kadar elaun berkenaan tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa oleh agensi pusat.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)
TARIKH	12.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap isu Program PPSMI memandangkan kaji selidik oleh Jaringan Melayu Malaysia, Mantan Perdana Menteri Tun Mahathir dalam blognya telah menunjukkan bahawa banyak ibubapa menyokong program tersebut. Adakah Kementerian juga akan mengemukakan keputusan kaji selidik Kementerian kepada pihak awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemansuhan pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diputuskan pada 8 Julai 2009 dan mengantikannya dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meningkatkan kualiti P&P Sains dan Matematik itu sendiri dan keupayaan penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah.

Walau bagaimanapun, semua pandangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak akan diteliti sebaik mungkin. Namun bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat diteruskan seperti biasa dan tidak terganggu, keputusan sebelum masih berkuatkuasa. Rjm²ⁱ

(sjo- 5oACArM ; i<^.
~~NO. AUM : 4~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN NO. AbP :■
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU
TERENGGANU]**

TARIKH 12 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4084

SOALAN:

**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah ciri-ciri yang
menentukan seseorang warganegara itu dianggap sebagai
pengkhianat. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk
mencegah seseorang warganegara berkelakuan demikian.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Terengganu mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, ciri-ciri yang menentukan seorang warganegara itu dianggap sebagai pengkhianat adalah sesuatu yang subjektif. Walau bagaimanapun, dari sudut perundangan iaitu mengikut Kanun Keseksaan dalam Bab 4 Kesalahan- Kesalahan Terhadap Negara, seseorang itu adalah dianggap sebagai pengkhianat negara apabila didapati bertindak menentang Yang Di Pertuan Agong sebagai Ketua Negara seperti menyebarkan ideologi-ideologi yang bertentangan dengan prinsip Raja Berperlembagaan.

/s/0 « &OAcC0eM:

~~£0 NO. AtHtt- : 11-~~

NO AUP !

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM
BANDAR BARU]**
TARIKH **12 OKTOBER 2011**
RUJUKAN : **4086**

SOALAN:

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan**

- (a) apakah status terkini dan tindakan yang telah diambil mengenai laporan polis Dengkil/001196/09 mengenai perbuatan jenayah rogol seorang pensyarah ke atas seorang pelajar UPM; dan
- (b) bilakah pertuduhan merogol akan dikenakan terhadap perogol tersebut dan adakah pengadu diberi maklum mengenai perkembangan dan status aduannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian telah mengambil maklum mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh itu, bagi menjawab soalan (a) , kes ini telah disiasat di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan dan kes ini adalah masih dalam siasatan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b), pihak polis telah diarahkan untuk memaklumkan perkembangan dan status siasatan kes tersebut. Untuk makluman, pegawai penyiasat asal kes ini, telah diambil tindakan tatatertib kerana kelewatan menyelesaikan siasatan kes ini.

	PEMBERITAHUAN	NO SOALAN # <i>yj</i>
DARIPADA	PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA	
	Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH	
	(KALABAKAN)	
PERTANYAAN	LISAN	
TARIKH	12.10.2011	

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramaikah usahawan atau bakal usahawan di negeri Sabah yang telah menerima manfaat dari Permodalan Usahawan Bumiputra Berhad melalui beberapa programnya seperti Skim Prosper Pemborong, Prosper Runcit, Prosper Siswazah, Francise, Teraju dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) ditubuhkan pada tahun 1991 dengan fungsi utama untuk membangun usahawan Bumiputra dalam bidang keusahawanan. Sehingga 31 Ogos 2011, jumlah syarikat dan usahawan yang berjaya dibangunkan di negeri Sabah berjumlah 112 orang dengan melibatkan pembiayaan berjumlah RM13,795,000.

2. Jumlah kelulusan permohonan yang rendah adalah disebabkan oleh jumlah yang memohon tidak ramai berbanding negeri-negeri lain. PUNB juga turut menawarkan bengkel-bengkel Rancangan Perniagaan untuk membimbing

usahawan menyediakan Rancangan Perniagaan yang betul. Walaupun PUNB telah mengadakan beberapa siri taklimat bergerak, pameran, klinik perniagaan dan lain-lain setiap tahun yang disebarluaskan melalui media massa, didapati respon dari usahawan Sabah kurang menggalakkan.

SOALAN NO.: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN	YB. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)
DARIPADA	12 OKTOBER 2011
TARIKH	
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Hasil dari pelancongan setiap tahun dan bilangan dan nama destinasi utamanya di seluruh negara. Apakah peruntukan bagi membangun dan menyelenggarakan kawasan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang sangat penting hingga menjadi penyumbang kedua terbesar ekonomi negara selepas sektor pembuatan. Sebagai rekod, sektor pelancongan telah menjana pendapatan hasil tukaran wang asing sebanyak RM53.4 bilion pada 2009 dan RM56.5 bilion pada 2010. Jumlah pelancong asing juga meningkat sepanjang tahun seperti pada 2009 sebanyak 23.6 juta orang manakala 24.6 juta orang pada 2010.

Di atas perkembangan yang memberansangkan ini, Malaysia telah menerima pengiktirafan United Nations World Tourism Organization (UNWTO) dengan menduduki **ranking** ke-9 negara yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong asing di seluruh dunia dan tangga ke-2 di kalangan negara Asia selepas China.

Antara destinasi utama yang menjadi tumpuan pelancong di Malaysia ialah Bandaraya Kuala Lumpur, Pusat Pentadbiran Putrajaya, pusat-pusat rekreasi dan taman tema seperti Genting Highland dan Sunway Lagoon, pulau-pulau peranginan seperti Pulau Langkawi, Kedah, Pulau Perhentian, Terengganu, Pulau Redang, Terengganu, Pulau Sipadan, Sabah, Pulau Mabul, Sabah, Bandaraya Kuching, Sarawak,

Pulau Pinang dan Taman-Taman Negara di Pahang, Sabah dan Sarawak.

Ke arah meningkatkan kedatangan pelancong, Kementerian Pelancongan sentiasa menyediakan peruntukan bagi membangun dan menyelenggara destinasi pelancongan agar sentiasa berada dalam keadaan yang menarik, selesa dan selamat untuk pelancong. Kementerian Pelancongan telah diperuntukkan sebanyak **RM440.5** juta dalam Rancangan Malaysia Ke-10 bagi membangun dan menyelenggarakan kawasan pelancongan di seluruh negara. Ia termasuklah Program Penyediaan dan Peningkatan Kemudahan Pelancongan, Program Naiktaraf dan Penyelenggaraan Projek, Pembangunan Pelancongan Eko serta Program Peningkatan Kemudahan Homestay.

toO-
XOALArfj:
NO.AUM : 21

-NO. AUP «

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB

[LANGKAWI]

TARIKH 12 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4332

SOALAN:

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) apakah tindakan yang lebih berkesan lagi untuk membanteras penyeludupan minyak ke luar negara, rokok dan arak ke dalam negara; dan
- (b) agensi manakah yang menyelaras tugas APMM, PDRM, Kastam Diraja Malaysia, UPP dan lain-lain jabatan bagi membanteras penyeludupan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Langkawi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), kerajaan memandang serius isu penyeludupan yang berlaku di sempadan dan pintu-pintu masuk

negara. Bagi membanteras aktiviti seperti penyeludupan minyak, rokok dan arak, agensi penguatkuasa seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa melaksanakan operasi berterusan dan bersepadu dari masa ke semasa. Usaha ini dilihat mampu mengekang kegiatan penyeludupan dari terus berleluasa. Dalam hal ini juga, kerjasama dan komitmen dari semua pihak yang terlibat dan orang ramai amat diperlukan bagi memerangi aktiviti haram ini.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, pada masa ini tiada agensi khusus yang menyelaras tugas agensi-agensi penguatkuasa yang terlibat dalam aktiviti membanteras penyeludupan. Walau bagaimanapun, terdapat satu jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 23 Oktober 1975 iaitu Jawatankuasa Penyelaras Aktiviti Mencegah Penyeludupan (JPAMP) yang berperanan untuk menyelaras aktiviti mencegah penyelupan yang dijalankan oleh agensi-agensi yang terlibat. JPAMP dianggotai oleh agensi-agensi seperti PDRM, JKDM, APMM, KPDNKK, UPP dan sebagainya serta ditubuhkan di peringkat pusat dan negeri. JPAMP bertujuan untuk merancang, melaksana, memantau dan menambah baik aktiviti mencegah penyeludupan serta bertanggungjawab kepada MKN dalam merangka, menggubal dan menyelaras ketetapan langkah-langkah pencegahan aktiviti penyeludupan.

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]
TARIKH	12 .10. 2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan skandal kewangan yang dihadapi oleh Syarikat Konsesi Dawama Sdn. Bhd. Mengakibatkan lebih 400 orang pekerja diarahkan mengambil cuti tanpa gaji bermula 1 Ogos 2011. Sila jelaskan laporan kewangan untung / rugi, jumlah aset dan hutang Dawama Sdn.Bhd serta nilai kontrak yang diperolehi daripada Kerajaan sejak tahun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat syarikat Dawama Sdn. Bhd. telah menghadapi masalah kewangan yang serius. Syarikat pernah memohon pinjaman daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebanyak RM17 juta untuk belanja pengurusan di samping meminta DBP membekalkan kertas yang kosnya RM9 juta serta gaji pekerjanya RM1 juta sebulan. Permintaan ini sudah tentulah tidak dapat dipenuhi oleh DBP kerana ini melanggar peraturan kewangan kerajaan. Jika dibenarkan sekalipun, satu hal yang perlu diberi pertimbangan oleh DBP ialah kemungkinan pemutang Dawama akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Dawama dalam masa terdekat dan ini akan mendedahkan DBP kepada risiko tidak dapat membekalkan buku teks ke sekolah-sekolah.

Dari segi menjaga kebajikan pekerja Dawama yang terlibat, kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan perbincangan dengan pengurusan Dawama pada 3 Ogos 2011. Dalam perbincangan tersebut syarikat telah bersetuju menarik balik arahan cuti tanpa gaji yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2011, dengan melaksanakan pemberhentian secara sementara dengan membayar gaji minimum 12 hari gaji sebulan pada bulan Ogos 2011. Walau bagaimanapun, pihak syarikat pada 23 Ogos 2011, telah mengeluarkan notis pemberhentian kepada pekerjaanya berkuat kuasa pada 1 September 2011. Pekerja yang terlibat juga dimaklumkan oleh pihak syarikat bahawa faedah pemberhentian hanya akan dibayar apabila pertikaian antara syarikat dengan DBP selesai dan mengikut peruntukan undang-undang. Pada masa ini, DBP sedang menguruskan proses persaraan dan bayaran ganjaran kepada pekerja berkenaan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Berdasarkan Penyata Kewangan Dawama Sdn. Bhd. dari tahun 2003 hingga tahun 2009, keuntungan terkumpul syarikat berjumlah RM34.29 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM50.17 juta.

Berdasarkan Kunci Kira-Kira Dawama Sdn. Bhd. pada 30 September 2009, jumlah aset syarikat tersebut berjumlah RM114.4 juta dan jumlah hutangnya ialah sebanyak RM109.8 juta.

Nilai kontrak (Pembekalan Buku Teks Skim Pinjaman) yang diperoleh daripada kerajaan dari tahun 2004 hingga 2011 ialah berjumlah RM473.5 juta. Jumlah ini tidak termasuk hasil jualan Buku Teks (Pasaran Terbuka), buku Judul Am dan Majalah terbitan DBP yang dijual oleh pihak Dawama dari tahun 2004 hingga September 2010 berjumlah RM189.4 juta.

NO SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B DATO' SHAMSUL ANUAR
 BIN NASRAH
 (LENGGONG)**

**TARIKH 12.10.2011
 (RABU)**

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) usaha Kementerian memodenkan sistem pertahanan negara dan apakah Kementerian berpuashati dengan tahap keselamatan negara sekarang,
- (b) apakah program "Strategi Laut Biru" yang dilaksanakan bersama Kementerian Dalam Negeri, serta sejauh mana ia menguntungkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha Kementerian dalam memodenkan sistem pertahanan negara adalah berpandukan kepada pelan pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) atau Pelan *4th Dimension Malaysian Armed Forces* (4D MAF) yang merupakan landasan (*road map*) untuk tempuh jangka panjang (2009 hingga 2020 dan seterusnya). Strategi pembangunan ini sejajar dengan konsep pertahanan yang termaktub dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN), Strategi Ketenteraan Negara (SKN) dan doktrin-doktrin perkhidmatan Darat, Laut serta Udara.

Berdasarkan kepada analisis keupayaan Angkatan Darat, Laut dan Udara serta perkhidmatan sokongan, tahap keupayaan ATM semasa berada diparas terhad. Justeru, proses permodenan ATM perlu dibangunkan secara bersepadu sejajar dengan perkembangan teknologi semasa melalui perolehan aset pertahanan yang berteknologi terkini (*cutting edge technology*) disamping perolehan dari industri pertahanan negara bagi mencapai ‘*self reliance*’ serta berbekalkan modal insan yang berkualiti untuk menghasilkan suatu angkatan yang kredibel agar mampu melaksanakan peranan dan fungsi dalam mempertahankan kedaulatan negara serta kepentingannya.

Perlu diperakui bahawa membangun sebuah angkatan yang berkredibel memerlukan premium yang tinggi. Dengan itu, ATM sentiasa berusaha membangun dan meningkatkan kesiagaan dengan bajet yang diperuntukkan dengan cara berhemah dan ‘*value*

for money'.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian berpuas hati dengan tahap keselamatan negara sekarang yang stabil hasil dari usaha bersepada ATM dengan agensi- agensi keselamatan yang lain melalui operasi-operasi yang dilaksanakan samada operasi daratan, maritim dan udara. Bagi memperkasakan lagi usaha meningkatkan tahap keselamatan negara, operasi-operasi secara duahala dan pelbagai hala dengan negara- negara serantau dilaksanakan seperti Operasi Patroli Terkoordinasi Malaysia-Indonesia (OP PATKOR MALINDO), Operasi Gabungan Tentera Darat Malaysia-Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat (OP Gabungan TDM dan TNI-AD), Operasi Filipina-Malaysia (OP PHIMAL), *Malacca Straits Sea Patrol* (MSSP), OP *Eyes in the Sky* (EiS) dan pertukaran maklumat perisikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui pendekatan Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan, Kementerian Pertahanan telah bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dalam mengenalpasti ruang kerjasama yang wujud antara kedua-dua agensi ini. Susulan daripada itu, kedua-dua Kementerian telah melaksanakan beberapa program seperti:

- | | |
|---------------------------------------|----------------------|
| a.
Pemulihan Pemasyarakatan | Program |
| b.
Latihan Rekrut PDRM Menggunakan | Program
Kemudahan |

ATM

- c.**
Pengambilan Bekas Anggota ATM ke **Program**
PDRM

- d.**
Rondaan Bersama ATM dan PDRM **Program**

Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri banyak menguntungkan pihak Kerajaan. Dengan terlaksananya program ini, kedua-dua agensi ini kini dapat berganding bahu mencapai sasaran dan objektif pembangunan negara dan tidak lagi dilihat bekerja secara silo. Adalah dijangkakan juga, banyak lagi program-program kerjasama antara kedua-dua agensi ini bakal dilaksanakan seiring dengan perubahan yang dikehendaki oleh YAB Perdana Menteri dalam **Program Transformasi Kerajaan (GTP)**.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO.: 26

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA PUAN FONG PO KUAN
[BATU GAJAH]**

TARIKH 12 OKTOBER 2011

SOALAN:

PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi pos mengikut kategori dalam daftar pemilih yang digunakan dalam pilihan raya tahun 1999, 2004 dan 2008. Nyatakan jumlah undi pos yang dikeluarkan, dikembalikan/tidak dikembalikan serta undi pos rosak bagi pilihan raya-pilihan raya tersebut.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
SOALAN NO.: 26

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi pos mengikut kategori dalam daftar pemilih yang digunakan semasa Pilihan Raya Umum tahun 1999, 2004 dan 2008 adalah seperti di Lampiran 1. Bagi menjawab pertanyaan mengenai jumlah undi pos yang dikeluarkan, dikembalikan/tidak dikembalikan serta undi pos rosak bagi pilihan raya-pilihan raya tersebut, maklumat-maklumat tersebut boleh diperolehi melalui helaian mata bagi setiap pilihan raya yang telah dilaksanakan oleh SPR, mulai Pilihan Raya Umum tahun 2004. Yang Berhormat bolehlah membelinya daripada Ibu Pejabat SPR atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekeping helaian mata dijual pada harga RM 1.00

Sekian. Terima kasih.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA STATISTIK PENGUNDI TIDAK HADIR - MENGIKUT
KATEGORI
MENGIKUT NEGERI**

No. SOALAN: 27

BI L	TAHUN PILIHAN RAYA UMUM NEGERI	1999 (DPI 1998)			2004 (DPI 2003)			2008 (DPI 2007)		
		Tentera	Polis	Luar Negara	Tentera	Polis	Luar Negara	Tentera	Polis	Luar Negara
1	PERLIS	1,493	1,240	6	1,207	1,382	12	1,176	1,426	8
2	KEDAH	6,347	8,890	24	6,517	6,093	86	8,164	5,491	78
3	KELANTAN	3,581	8,319	9	6,750	3,971	29	7,538	3,683	20
4	TERENGGANU	3,576	2,124	9	2,031	3,416	35	1,751	3,556	32
5	PULAU PINANG	3,707	4,084	11	3,698	4,174	20	4,223	4,916	20
6	PERAK	12,987	30,301	293	19,496	12,549	383	21,585	11,562	345
7	PAHANG	5,727	12,789	32	9,768	4,976	72	9,759	4,990	65
8	SELANGOR	7,042	6,804	8	4,755	8,928	332	5,396	9,819	310
9	W.P KUALA LUMPUR	10,011	20,617	203	17,996	11,386	436	23,727	11,562	427
10	W.P PUTRAJAYA	0	0	0	0	158	2	0	214	7
11	NEGERI SEMBILAN	4,374	9,295	8	5,629	3,903	77	12,126	4,521	77
12	MELAKA	1,857	10,964	19	8,931	2,122	52	10,955	1,674	51
13	JOHOR	7,177	12,620	89	8,851	7,335	124	11,898	6,436	121
14	W.P LABUAN	179	2,786	0	2,556	196	0	1,418	206	0
15	SABAH	6,398	6,891	0	6,420	7,285	21	6,719	6,675	20
16	SARAWAK	8,783	13,241	11	8,611	7,919	35	9,252	7,074	28
JUMLAH KESELURUHAN		83,239	150,965	722	113,216	85,793		135,687	83,805	1,609

PERTANAYAN

LISAN

DARIPADA

Dato* Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [KualaKrau]

TARIKH

12 Oktober 2011 (Rabu)

SOALAN Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [KualaKrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan terhadap masalah rakyat sejajar dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Perangi Kos Kehidupan yang semakin mencabar dan meningkat mutakhir ini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)

Sejajar dengan masalah rakyat yang meruncing dewasa ini, satu lagi bidang NKRA telah diwujudkan iaitu NKRA Perangi Kos Kehidupan. Ini adalah bagi meningkatkan usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi memastikan slogan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dapat dicapai.

Diantara usaha-usaha yang telah dilakukan adalah bagi ketua isirumah miskin tegar digalakkan untuk menyertai salah satu (1) daripada empat (4) projek 1Azam, atau inisiatif “Akhiri Zaman Miskin,” iaitu, Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat yang akan membantu mereka menjana pendapatan berterusan tanpa hanya mengharapkan dan bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan pada masa yang akan datang. Ini menjadikan kadar miskin tegar telah berjaya dikurangkan sebanyak 99.76 peratus. 2,000 orang usahawan wanita juga telah dilatih dalam skim berkenaan dan hasilnya ia berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 78.6 peratus.

Bagi memastikan nasib rakyat terus terbela, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan perbagai inisiatif di dalam Bajet 2012 baru-baru ini. Antaranya adalah:

1. Skim saraan baru yang dikenali sebagai Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dengan gaji satu lapis bakal menawarkan kenaikan tahunan RM80 hingga RM320 mulai tahun depan kepada penjawat awam mengikut gred.
2. Kakitangan kerajaan akan mendapat tambahan bonus setengah bulan gaji manakala pesara kerajaan akan menerima bayaran bantuan RM500

No. SOALAN: 27

3. Bantuan persekolahan RM100 akan diberi kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima di seluruh negara mulai tahun 2012
4. Warga emas berusia 60 tahun ke atas dikecualikan caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan
5. Kerajaan akan membina lebih banyak hospital dan menaik taraf hospital sedia ada di samping menambahbaikan 81 klinik kesihatan luar bandar sedia ada serta membuka 50 klinik 1 Malaysia
6. Buat pertama kalinya, kerajaan akan memansuhkan yuran pendidikan rendah dan menengah di semua sekolah kerajaan mulai tahun depan
7. Bagi mengenang jasa polis khas dan polis tambahan pada zaman darurat, kerajaan akan memberi insentif RM3.000 kepada setiap bekas anggota polis, duda dan balu
8. Umur persaraan wajib penjawat awam akan dilanjutkan daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimumkan sumbangan mereka
9. Peneroka Felda akan terima "durian runtuh" yang mana jumlahnya jumlahnya akan diumumkan sebelum penyenaraian dilakukan
10. Seramai 600,000 pesara kerajaan akan mendapat kenaikan pencen pesara sebanyak dua peratus setahun.

Semua usaha tersebut diharapkan dapat membantu rakyat bagi memerangi kos kehidupan yang semakin meruncing.

■NOr-Abf>r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA	PERT	LISAN
AN :	ANYA	PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH		12 OKTOBER 2011
RUJUKAN		4087

SOALAN:

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah perkahwinan sah merupakan satu syarat untuk mendaftarkan kelahiran anak.

SOALAN NO: 29

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan melalui peruntukan Seksyen 7 (1) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) di mana perkahwinan yang sah bukan merupakan satu syarat untuk mendaftarkan kelahiran. Kanak-kanak tersebut boleh didaftarkan kelahirannya dan hanya maklumat ibu dan kanak-kanak akan dimasukkan kedalam sijil kelahiran tanpa memasukkan maklumat bapa.

Bagi pasangan yang tidak berkahwin, ibu dan orang yang mengaku diri sebagai bapa boleh mendaftarkan kelahiran anak melalui peruntukan Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) dengan menandatangani bersama borang pendaftaran kelahiran JPN LM 01 dihadapan pendaftar yang berkaitan.

Taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibu seperti peruntukan Perlembagaan Persekutuan dibawah Jadual Kedua Bahagian III, Seksyen 17.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK SIRINGAN BIN GUBAT

[RANAU]

TARIKH

12 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan pencapaian liputan broadband di Sabah berbanding Semenanjung Malaysia dan Sarawak setakat September 2011. Bolehkah Menteri berkenaan memperbanyakkan dan mempercepatkan pelaksanaan dua kampung wifi yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Ranau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mengambil maklum hasrat untuk mempercepatkan pelaksanaan projek Kampung Tanpa Wayar (Kampung WiFi) di seluruh negara. Pelaksanaan projek Kampung WiFi ini dijalankan secara

SOALAN NO: 29

berperingkat di 600 kampung di Sarawak dan 500 kampung di Sabah

SOALAN NO: 29

yang merangkumi 3,100 kampung di seluruh negara sehingga penghujung tahun 2012. Sehingga kini sebanyak 1,408 Kampung WiFi telah siap dilaksanakan di seluruh negara di mana 188 di Sarawak dan 131 di Sabah telah siap dilaksanakan.

Sebanyak 15 Kampung WiFi telah pun siap dilaksanakan di Parlimen Ranau dan sebanyak 12 kampung lagi telah dikenalpasti termasuk dua kampung yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Ranau untuk perancangan pelaksanaan Kampung WiFi di fasa berikutnya.

fs/0' SO
■NQ. AUM--43

UQr-AUP-i

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]
TARIKH : 12 OKTOBER 2011
RUJUKAN : 4291

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos masing-masing sistem biometrik untuk pendaftaran bagi pekerja asing, program MyDaftar dan proses pengesahan SPR bagi pengundi yang- sah. Nyatakan nama syarikat pembekal dan

negara asal perbuatan sistem biometrik tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pendaftaran pekerja asing, NERS Sdn. Bhd. adalah syarikat yang bertanggungjawab membekalkan peralatan sistem biometrik Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/ Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) (Program 6P). Ia adalah sebahagian daripada skop kerja pembangunan Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional atau dikenali sebagai NERS.

Pembekalan NERS adalah dilaksanakan secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiatives (PFI)*) (dengan izin) oleh NERS Sdn. Bhd.. Sistem biometrik tersebut menggunakan teknologi Dermalog yang berasal daripada negara Jerman sebagai memenuhi piawaian antarabangsa biometrik seperti FBI EFTS, FBI WSQ, ANSI/NIST, ANSI INCITS dan ISO/IEC. Manakala perisian sistem NERS dibangunkan oleh kepakaran tempatan. Selain itu, data biometrik bersama 2D Barcode yang dikenali sebagai NexCode

JAWAPAN:

digunakan untuk aktiviti penguatkuasaan melalui pengecaman ketulenan identiti dan dokumen. NexCode ini merupakan teknologi sistem sekuriti yang memenuhi piawaian antarabangsa dan dipatenkan di Malaysia dan di beberapa negara lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran melalui program MyDaftar hanya menggunakan borang permohonan sedia ada di Jabatan Pendaftaran Negara dan tidak melibatkan sebarang kos bagi sistem biometrik.

Manakala bagi proses pengesahan Suruhanjaya Pilihan Raya bagi pengundi yang sah, Jabatan Pendaftaran Negara hanya membekalkan maklumat dan data yang berkaitan pengundi kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dan sebarang kos bagi sistem biometrik adalah ditanggung oleh SPR sendiri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH 12 OKTOBER 2011
TARIKH	(RABU)
SOALAN	NO. 31

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan bilakah kerajaan akan memulakan operasi kolej komuniti di Limbang sebagaimana yang telah dipersetujui oleh YAB Timbalan Perdana Menteri semasa lawatan ke Limbang dalam bulan Februari tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) , Unit Perancang Ekonomi (EPU) tida dapat mempertimbangkan sebarang projek baharu kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membina kolej komuniti di seluruh negara termasuk di Limbang, Sarawak. Walau bagaimanapun, sehingga kini telah terdapat 2 (dua) buah politeknik, 3 (tiga) buah kolej komuniti induk dan 2 (dua) buah kolej komuniti cawangan di negeri Sarawak seperti berikut:

- i. Politeknik Kuching Sarawak
- ii. Politeknik Mukah

- iii. Kolej Komuniti Kuching
- iv. Kolej Komuniti Mas Gading
- v. Kolej Komuniti Miri
- vi. Kolej Komuniti Cawangan Betong
- vii. Kolej Komuniti Cawangan Santubong

Ketujuh-tujuhbuah politeknik dan kolej ini telah berfungsi sepenuhnya dan akan dapatmemberi peluang pendidikan dan latihan pada keseluruhan para lepasan sekolah menengah yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi yang lain dan juga untuk masyarakat setempat di negeri Sarawak dalam tempoh masa RMK-10.Jumlah enrolmen pelajar politeknik dan kolej komuniti berkenaan pada tahun 2011 adalah seramai 5,911 orang. Lokasi IPT lain yang terhampir dengan kawasan Limbang ialah di Politeknik Mukah dan Kolej Komuniti Miri.

Pihak Kementerian akan terus berusaha memperluaskan akses pendidikan dan latihan bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi dan ilmu masyarakat setempat melalui pendidikan yang relevan dan bermanfaat.

SOALAN NO.: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**DARIPADA PER
YAAN**

**LISA
N**

**Y.B. TUAN LOKE SIEW
FOOK [RASAH]**

TARIKH

12 OKTOBER 2011

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Apakah hasil yang diperolehi oleh Kementerian atau KPI yang dicapai daripada kempen '*social media branding*' yang telah menelan perbelanjaan sebanyak RM1.8 juta serta perkembangan terkini kempen tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, kempen pelancongan media sosial yang dilaksanakan ini merupakan inisiatif baru oleh Kementerian ini bagi mempromosikan acara-acara pelancongan yang berlangsung di Malaysia sepanjang tahun serta keunikan destinasi-destinasi pelancongan negara.

Kempen ini disasarkan kepada golongan muda yang lebih menggemarkinya berbanding media konvensional cetak dan elektronik yang lain berlebihan lagi laman ini mempunyai aplikasi- aplikasi menarik yang boleh disertai.

Kementerian ini telah menetapkan KPI laman sosial media yang dilancarkan pada Mei 2011 ini mencapai **120,000 orang peminat** pada Disember 2011 iaitu **15,000 orang peminat** sebulan. Manakala sehingga September 2011 sahaja, Kementerian ini telah menerima **122,130 orang peminat** iaitu melebihi KPI yang ditetapkan sehingga September iaitu **75,000 orang peminat** ataupun **162.84%**, jauh melebihi KPI yang disasarkan.

Kementerian ini telah berjaya memberi pendedahan dan kesedaran (**awareness**) kepada golongan muda mengenai produk-produk dan acara-acara pelancongan yang ada di Malaysia serta perkongsian maklumat dengan rakan laman media sosial yang lain bagi memberi pendedahan positif kepada umum.

Sehingga September 2011, sebanyak 4 kempen telah dilaksanakan iaitu:

- i) Kempen Pelancongan Domestik - Cuti-Cuti 1 Malaysia (Julai—Disember 2011);
 - ii) Citrawarna 1 Malaysia (Mei-Jun 2011);
 - iii) Karnival Jualan Mega 1 Malaysia (Julai-Ogos 2011); dan
 - iv) Festival Pelancongan Seni Kontemporari IMalaysia (1MCAT) (September-Okttober 2011);
- i) Kempen Pelancongan Domestik - Cuti-Cuti 1 Malaysia

Kempen ini mengandungi '**Cuti-Cuti IMalaysia Dream Holidays'** dan '**Find the Icon of Malaysia**'. Kempen '**Cuti-Cuti IMalaysia Dream Holidays**' bertujuan untuk menggalakkan peminat untuk berkongsi poskad destinasi-destinasi pelancongan mengikut tema seperti pulau dan pantai, eko-kembara dan lain-lain dengan

rakan-rakan mereka manakala '***Find the icon of Malaysia***' pula menguji pengetahuan peminat dalam mengenalpasti ikon-ikon pelancongan di Malaysia seperti Menara Berkembar Petronas, bunga Rafflesia di Sabah, orang utan dan lain-lain.

Sehingga September 2011, kempen pelancongan domestik Cuti-Cuti 1 Malaysia telah mencatat sejumlah **54,071 penyertaan**. Jumlah ini amat memberangsangkan dan telah membantu Kementerian Pelancongan mempromosikan kempen Cuti-Cuti 1 Malaysia.

ii) Citrawarna 1 Malaysia

Kempen ini telah dilancarkan pada 21 Mei 2011 dan berjaya menarik perhatian golongan muda melalui permainan interaktif mengikut tema Citrawarna 1 Malaysia. Pihak Kementerian telah berjaya mempromosikan acara ini dengan mencatatkan **25,569 penyertaan**.

iii) Karnival Jualan Mega 1 Malaysia

Kempen ini dilancarkan pada bulan Julai hingga Ogos 2011 sempena kempen membeli belah Karnival Jualan Mega 1 Malaysia yang berlangsung dan telah menerima sebanyak 9,261 **penyertaan**.

iv) Festival Pelancongan Seni Kontemporari 1 Malaysia (1MCAT)

Kempen ini baru saja bermula pada bulan September 2011 bagi mempromosikan acara 1MCAT dengan menggalakkan peminat untuk meletakkan karya-karya seni 1MCAT sebagai gambar profil mereka atau memuatnaik karya seni milik mereka. Jumlah penyertaan masih belum dapat dimuktamadkan.

Manakala terdapat 3 kempen lagi yang akan dilancarkan iaitu acara Karnival Jualan Akhir Tahun 1 Malaysia (1MYES), kempen 1 Malaysia Bersih, 1 Malaysia Indah (1MG1MC) dan acara '***Fabulous Food 1 Malaysia***'.

no-Soaukn : -

NQ=-AUM-:

NQ.-AUR :■

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [
TANGGA BATU]

TARIKH 12 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4085

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah anggota keselamatan termasuk Polis dan tentera mengikut kaum yang terkorban disebabkan oleh sama ada serangan ataupun pertempuran dengan pengganas komunis semenjak merdeka sehingga perletakkan senjata komunis pada tahun 1989

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah anggota polis yang terkorban semasa pemberontakan komunis semasa darurat pertama sehingga perletakan senjata pada

2 Disember 1989 di Semenanjung adalah seramai 1,444 orang manakala di Sarawak adalah seramai 49 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selanjutnya, rekod Kementerian Pertahanan mencatatkan, bagi jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terkorban disebabkan serangan ataupun pertempuran dengan penganas komunis mulai tahun 1957 sehingga 1989 adalah seramai 409 orang.

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH
PANTAI]**

TARIKH 12 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4088

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan baru yang telah diluluskan mengikut kawasan Parlimen dari Tahun 2008 hingga sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang diluluskan daripada tahun 2008 sehingga Ogos 2011 adalah sebanyak 27,293 permohonan. Walau bagaimanapun, rekod berkaitan jumlah permohonan kewarganegaraan baru yang diluluskan mengikut kawasan Parlimen seperti yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat tidak disimpan oleh Kementerian ini.

Soalan No : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO
	(HULU RAJANG)
TARIKH	12.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berkenaan isu penukaran penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk matapelajaran Sains dan Matematik (PPSMI). Kewajaran tindakan itu sering dipersoalkan namun ada bolehkah satu kompromi dapat diwujudkan seperti pengajaran dwibahasa untuk matapelajaran- matapelajaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemansuhan pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan menggantikannya dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meningkatkan kualiti P&P Sains dan Matematik itu sendiri dan keupayaan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah.

Secara umumnya, dasar MBMMBI yang diperkenalkan ini tidak sesekali menidakkan kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dalam proses P&P. Oleh itu, apabila PPSMI dimansuhkan, Kementerian telah merangka dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan supaya kohort murid yang telah

Soalan No : 36

berada

dalam sistem tidak terganggu pembelajaran mereka dan terus terbela. Ini termasuklah pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dilaksanakan melalui pendekatan *soft-landing*. Pendekatan *Soft Landing* ini bermaksud P&P Sains dan Matematik dibolehkan dalam bahasa Inggeris dan/atau bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan (SK) dan sekolah menengah, bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sehingga kohort terakhir PPSMI seperti yang ditegaskan oleh YAB Menteri Pelajaran semasa menjawab pertanyaan lisan di Dewan Negara pada 25.04.2011. Justeru, dengan erti kata lain, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di semua peringkat sekolah kecuali Tahun 1, boleh menggunakan bahasa Inggeris atau dwibahasa sehingga kohort terakhir PPSMI tamat persekolahan.

Rjm 18

SOALAN NO:

36 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

TARIKH: 12 OKTOBER 2011

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) Sama ada Kerajaan telah memutuskan gaji minimum bagi pekerja swasta di pelbagai sektor pekerjaan; dan
- (b) berapakah gaji minimum yang diputuskan mengikut sektor pekerjaan.

PR-1243-L46673

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan pertanyaan Y.B Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli mengenai perkara sama ada Kerajaan telah memutuskan gaji minimum bagi pekerja swasta di pelbagai sektor pekerjaan, Untuk makluman Dewan Yang Mulia, ianya belum diputuskan lagi.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 pada 26 Ogos 2011 dan Akta MPGN 2011 ini telah disiarkan dalam Warta pada 15 September 2011. Melalui Akta ini, MPGN telah pun ditubuhkan pada 28 September 2011. Anggota Majlis Perundingan Gaji Negara telah

dilantik mulai 28 September 2011 hingga 27 September 2014. Seramai 25 orang anggota yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, 6 orang wakil pekerja, 6 orang wakil majikan, 6 orang wakil agensi Kerajaan, dan 5 orang wakil lain telah dilantik secara rasminya oleh YB Menteri Sumber Manusia sebagaimana yang diperuntukan dalam Seksyen 5 (1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

3. Fungsi utama MPGN adalah untuk mengemukakan syor gaji minimum kepada Kerajaan termasuk berkenaan kadar gaji minimum, pengecualian dan mekanisme-mekanisme pelaksanaannya. Dalam hal ini, Majlis Perundingan Gaji Negara telah pun bermesyuarat kali pertama pada 28 September 2011. MPGN akan meneliti kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara dan Bank Dunia serta beberapa kajian lain dalam proses menetapkan syor gaji minimum kepada Kerajaan. Majlis seterusnya akan menimbangkan sebarang saranan dan cadangan daripada

orang awam dan *stakeholder* serta kajian yang pernah dilaksanakan oleh Bank Dunia mengenai pelaksanaan gaji minimum di Malaysia.

4. Majlis Perundangan Gaji Negara memerlukan masa yang mencukupi untuk membolehkannya mencadangkan kadar gaji minimum yang munasabah yang dapat diterima oleh pihak pekerja dan majikan serta tidak memberi kesan yang negatif kepada ekonomi negara. Justeru, Kerajaan perlu memberikan sedikit masa kepada Majlis Perundangan Gaji Negara untuk mencadangkan kadar gaji minima bagi pekerja swasta di pelbagai sektor pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Berhubung dengan pertanyaan berapakah gaji minimum yang diputuskan mengikut sektor pekerjaan, adalah dijangkakan kadar gaji minimum akan diumumkan pada penghujung tahun ini.

<DK/3 Oit. -1 'Dis.ll)Ras...20.9.U/tMoluCHattaC46673

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH **12 OKTOBER 2011 (RABU)**

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk perayaan Hari Merdeka setiap tahun mulai tahun 2006 sehingga tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi membiayai sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia dari tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 39

BIL.	TAHUN	PERBELANJAAN (RM)
1.	2006	38,876,694.00
2.	2007	105,145,000.00
3.	2008	20,041,000.00
4.	2009	22,000,000.00
5.	2010	15,000,000.00
JUMLAH		201,062,694.00

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU
(KOTA KINABALU)**

**PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 12.10.2011**

Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah hutang Kerajaan Persekutuan di luar negeri hingga sekarang dan hutang Sabah kepada Kerajaan Persekutuan dan lain-lain hutang dan apa rancangan yang telah diambil untuk membayarnya

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun **NO SOALAN: 06** tang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM437.2 bilion atau 52.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM421.0 bilion atau 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM16.2 bilion atau 3.7 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Bagi Negeri Sabah, jumlah hutang Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM2.6 bilion.

3. Manakala hutang negara pula merujuk kepada hutang luar negara yang terdiri daripada hutang luar jangka sederhana dan panjang bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta serta hutang jangka pendek sektor perbankan dan swasta. Peratusan hutang negara kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) sehingga 30 Jun tahun 2011 kekal terurus dengan peningkatan kepada RM241.7 bilion, atau 29.5% daripada PNK (2010: RM227.1 bilion; 30.7%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pinjaman bersih jangka pendek serta jangka sederhana dan panjang yang dilakukan oleh sektor swasta.

4. Antara langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang ialah:

- (i) Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Peningkatan hasil diperolehi melalui perkembangan aktiviti ekonomi serta peningkatan dalam pematuhan, penguatkuasaan dan pentadbiran cukai;
- (ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang. Selain daripada itu, pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan diteruskan bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati oleh golongan sasaran yang seterusnya dapat mengurangkan perbelanjaan subsidi tahunan Kerajaan;
- (iii) Memperbanyakkan program perkongsian awam-swasta (*public-private partnership*) terutamanya bagi projek-projek berimpak tinggi seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pembangunan awam bagi menambahbaik kedudukan fiskal tanpa menjelaskan matlamat pertumbuhan dan

pembangunan yang menyeluruh;

Melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang serta obligasi melunaskan hutang secara keseluruhannya. Bagi hutang luar negeri, sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negeri secara keseluruhan; dan

Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

Kerajaan komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.

Dari segi pinjaman sektor swasta pula, kelulusan Bank Negara Malaysia diperlukan bagi pinjaman luar negeri yang melebihi RM5 juta. Kelulusan akan diberi kepada pinjaman untuk membiayai kegiatan produktif serta projek-projek strategik dan juga untuk pelaburan yang akan menjana pendapatan pertukaran asing yang secukupnya untuk menjelaskan hutang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
PERTANYAAN RAKYAT
DARIPADA JAWAB LISAN TUAN
TARIKH LIANG TECK MENG 12
SOALAN OKTOBER 2011 (RABU)
 NO. 39

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi krisis kekurangan tenaga mengajar di Universiti Malaya. Apakah tindakan yang sedang dan akan diambil bagi terus meningkatkan status universiti tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ingin menegaskan bahawa kenyataan yang mengatakan telah berlakunya krisis akademik di Universiti Malaya (UM) adalah tidak tepat. Universiti Malaya sebenarnya terus maju dan semakin mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sepetimana yang ditunjukkan melalui pencapaian dalam penarafan dunia oleh Quacquarelli Symonds (QS)World University Rankings 2011/2012 dengan menduduki tangga ke 167 berbanding 207 pada tahun sebelumnya.

Pada masa ini pengisian bagi jawatan pensyarah di UM adalah sebanyak 1,695 jawatan. Dari jumlah tersebut sebanyak 295 (14.9%) jawatan diisi oleh pensyarah antarabangsa dan ini adalah sejajar dengan sasaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara

(PSPTN) yang

menetapkan purata 15% tenaga pengajar adalah tenaga pengajar antarabangsa daripada keseluruhan tenaga pengajar di universiti penyelidikan (RU). Pengambilan tenaga pengajar antarabangsa telah dilaksanakan bagi memastikan UM memperoleh kepakaran tertentu terutamanya dalam bidang-bidang kritikal yang kebanyakannya berlaku kekurangan tenaga pakar dari kalangan tenaga akademik tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim perkhidmatan pensyarah di IPTA menetapkan kenaikan pangkat tanpa perlu kekosongan jawatan. Dengan itu kehadiran tenaga akademik antarabangsa tidak menutup peluang tenaga akademik tempatan untuk dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi. Malah kehadiran mereka telah memberi peluang kepada tenaga akademik tempatan bertukar pengalaman dan mengukuhkan jaringan antarabangsa.

UM sentiasa memastikan bilangan tenaga akademik mencukupi bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas. Antara langkah pencegahan yang telah diambil termasuklah melantik secara kontrak pensyarah yang telah bersara khususnya dalam bidang kepakaran yang masih diperlukan. UM juga menaja ramai bakal pensyarah melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan PhD.

Secara keseluruhan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh UM merangkumi tindakan yang bersifat “quick win” dan tindakan jangka panjang bagi memastikan kelangsungan UM sebagai universiti cemerlang di peringkat antarabangsa.

Soalan No : 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PER	LISAN
	TA	
	NY	
	AA	
TARIKH	N	
		Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP)

12.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) berapakah sekolah di Parlimen Padang Terap yang binaannya dibuat secara gotong-royong (kerjasama masyarakat tempatan); dan
- (b) tindakan Kementerian terhadap binaan sekolah yang dibina secara gotong-royong yang sudah uzur.

JAWAPAN

- (a) dan (b)

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terdapat lima (5) buah sekolah di Parlimen Padang Terap yang pembinaannya dibuat secara gorong-royong, iaitu:

- i. SK Datin Fatimah
- ii. SK Tualak
- iii. SK Tunku Abdul Rahman Putra
- iv. SK Kampung Belukar

Soalan No : 41

v. SMK Lubok Merbau

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10, kelima-lima sekolah tersebut telah menerima peruntukan sebanyak RM453,759 ribu untuk tujuan projek-projek pembangunan. Daripada jumlah tersebut, SK Datin Fatimah menerima peruntukan sebanyak RM122,797 ribu untuk projek ubah suai naik taraf. Manakala SK Tualak (RM50 ribu), SK Tuanku Abdul Rahman Putra (RM180,962 ribu), SK Kampung Belukar (RM50 ribu) dan SMK Lubok Merbau (RM50 ribu) merupakan projek pendidikan prasekolah.

Usaha ini dilakukan bagi memastikan sekolah tersebut berada dalam keadaan kondusif dan selesa supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Rjm 21

SOALAN NO.

41 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
 [KAPIT]**

TARIKH 12 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan projek-projek yang telah beliau umumkan semasa lawatan kerja beliau ke

Song dan Kapit pada bulan April 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semasa lawatan kerja ke Song dan Kapit pada April 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan beberapa projek di Daerah Kapit iaitu :

- i. Membina Jalan Hubungan Song - Kanowit (Fasa 2)
- ii. Membina Balairaya Kg. Muhibah, Kapit
- iii. Menukar Paip Bekalan Air Di Kapit
- iv. Membina Jeti Pontoon Bandar Kapit
- v. Pembinaan Pelan Rawatan Air Dan Kerja-Kerja Berkaitan Bahagian Kapit

Sehingga 30 September 2011, projek pembinaan pelan rawatan air dan kerja-kerja berkaitan Bahagian Kapit telah dilaksanakan dengan kemajuan kerja 6.6% manakala projek-projek lain akan dilaksanakan pada awal tahun 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
[MACHANG]

NO. SOALAN : 42

TARIKH JAWAPAN : 12 OKTOBER 2011 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) sejak bilakah Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima geran pembangunan Kerajaan dan jumlah nilai geran yang terkumpul sehingga hari ini; dan;
- (b) bidang yang dilakukan oleh TNB membabitkan geran tersebut dan hasilnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tenaga Nasional Berhad (TNB), sebagai sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Company - GLC*) tidak menerima sebarang geran dari pihak Kerajaan. Semua perbelanjaan modal dan operasi TNB adalah dari sumber kewangan TNB sendiri yang diperolehi hasil penjualan elektrik kepada pengguna di Semenanjung dan perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat TNB.

SOALAN NO: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

TARIKH: 12 OKTOBER 2011

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah benar Kerajaan meluluskan kuota mengenai pengambilan pekerja asing dan pekerja tempatan iaitu dengan nisbah 1:2 serta apakah rasionalnya, apakah usaha untuk melindungi

pekerja tempatan.

PR-1243-L45562

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Proses pengambilan pekerja asing di Malaysia adalah mengikut kriteria dan syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Kriteria dan syarat kelayakan ini telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) pada 5 Julai 2005 . Keputusan ini dibuat secara bersama oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam proses pengambilan pekerja asing pada masa itu seperti:

- | | |
|---|-------|
| i. | Kemen |
| terian Dalam Negeri; | |
| ii. | Kemen |
| terian Sumber Manusia; | |
| iii. | Kemen |
| terian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; | |
| iv. | Kemen |
| terian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; dan | |
| v. | Kemen |
| terian Pertanian dan Industri Asas Tani. | |

2. Kriteria dan syarat kelayakan untuk pengambilan pekerja asing ini dibuat berdasarkan sektor-sektor utama iaitu:

a) Sektor Perkilangan

Bagi sektor perkilangan syarat dan kriteria telah dibahagikan kepada

3 kategori iaitu:-

- i) Syarikat berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada tiga pekerja asing (1:3);
- ii) Syarikat bukan berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada satu pekerja asing (1:1); dan
- iii) Syarikat dalam sektor elektrik dan elektronik iaitu nisbah kelayakan ialah dua pekerja tempatan kepada satu pekerja asing adalah (2:1).

Selain daripada itu, nilai eksport, peratusan eksport, nilai kandungan tempatan dan nisbah pelaburan modal turut diambil kira dalam penentuan kriteria syarat kelayakan bagi majikan yang memohon.

b) Sektor Perkhidmatan

Terdapat 14 sub sektor di bawah sektor perkhidmatan. Walaubagaimanapun, hanya tiga (3) sahaja yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing iaitu:-

i. Restoran

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi

sub sektor ini adalah berdasarkan bilangan kerusi. Pada masa ini, hanya jawatan tukang masak sahaja yang dibenarkan manakala jawatan pembantu am bagi restoran adalah dibekukan.

ii. Pembersihan/Pencucian

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing untuk sub sektor ini adalah berdasarkan nilai kontrak sebulan.

iii. Pulau Peranginan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jumlah bilik.

Sub sektor yang masih dibekukan adalah dobi. penaendalian karao. rumah kebaiikan. runcit dan borong. tekstil. tukang emas. tukang qunting dan loqam/barang lusuh/kitar semula.

c) Sektor Pembinaan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sektor ini adalah berdasarkan jenis projek pembinaan. tempoh dan nilai projek.

d) Sektor Perladangan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sektor ini adalah berdasarkan jenis tanaman, keluasan ladang dan bilangan pekerja sedia ada.

e) Sektor Pertanian

i. Seksyen Tanaman

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis tanaman dan keluasan tanah.

ii. Seksyen Perikanan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis ternakan (ikan) dan keluasan permukaan air atau bilangan benih sebulan

iii. Seksyen Penternakan

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis ternakan dan bilangan ternakan. Selain itu, jenis kerja yang dilakukan untuk seksyen ternakan juga diambilkira dalam menentukan kelayakan majikan untuk menggajikan pekerja asing.

Tuan Yang Dipertua,

3. Rasional penetapan kriteria dan syarat kelayakan terutamanya sektor perkilangan iaitu nisbah 2:1 adalah bertujuan melancarkan keperluan industri terhadap gunatenaga memandangkan sektor elektrik dan elektronik adalah salah satu sektor yang berkembang dengan cepat dan pesat dan menjadi penggerak kepada kadar pertumbuhan ekonomi Negara dalam menjadi Negara maju menjelang tahun 2020. Walaupun penetapan kriteria seumpama ini ditetapkan, Kerajaan tidak sekali-kali akan menafikan hak rakyat tempatan dan sentiasa melindungi hak mereka dengan memberikan keutamaan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan sebelum peluang ini diberikan kepada pekerja asing.

4. Di samping itu juga, bagi memastikan majikan yang menggajikan pekerja asing tidak terus menawarkan kadar upah yang rendah, Kementerian Sumber Manusia turut menitikberatkan kadar gaji pokok yang ditawarkan oleh majikan kepada pekerja. Oleh itu, salah satu kriteria yang diambilkira oleh Kementerian dalam menyokong permohonan majikan untuk menggajikan pekerja asing

adalah jumlah gaji pokok yang ditawarkan. Sekiranya gaji pokok yang ditawarkan kepada pekerja adalah rendah maka majikan diminta untuk menyemak dan menyelaras gaji pokok pekerja terutama bagi kategori pekerjaan operator atau pekerja am sebelum sokongan diberikan kepada majikan. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat pekerja tempatan untuk terus bekerja di dalam sektor ini terutamanya sektor perkilangan.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
DARIPADA	12 Oktober 2011
SOALAN	

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974 untuk Petronas diuruskan dan dikendalikan oleh sebuah lembaga pengarah dan bukannya oleh YAB Perdana Menteri sendiri dan akaun Petronas dilaporkan kepada kabinet dan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mendapati bahawa peruntukan yang sedia ada dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 [*Akta 144*] adalah memadai bagi memastikan negeri-negeri mendapat royalti minyak yang sewajarnya dan saksama ke atas pengeluaran minyak dan gas yang ditemui dalam kawasan kekuasaan negeri berkenaan. Seksyen 4 Akta 144 dengan jelas menjamin pembayaran tunai kepada negeri di mana minyak dijumpai. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974 [*Akta 144*].

PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Tatacara pengurusan syarikat seperti Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahunannya adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Akta berkaitan. Akaun PETRONAS diaudit oleh juruaudit luar dan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang turut dianggotai oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meminta PETRONAS mengemukakan akaun kewangannya kepada kabinet dan Parlimen.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahunan PETRONAS yang diaudit boleh diakses dengan mudah melalui laman web syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL

RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH

12 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

SOALAN NO: 46

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan perincian laporan untung rugi syarikat-syarikat Telcos' sama ada milik Kerajaan mahupun swasta bagi tempoh tiga (3) tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada keseluruhannya, syarikat-syarikat telekomunikasi utama iaitu Telekom Malaysia, Maxis, DiGi, Axiata dan TimedotCom memperolehi keuntungan dalam tempoh tahun 2008 sehingga 2010. Hanya TimedotCom sahaja yang mengalami kerugian iaitu pada tahun 2008 dengan catatan kerugian sebanyak RM0.34 billion. Walau bagaimanapun, prestasinya telah pulih pada tahun 2009 dan 2010 di mana syarikat berkenaan telah membuat keuntungan.